TGNU		<p>8. Pernyataan berikut berkaitan dengan tragedi hubungan antara kaum pada 13 Mei 1969.</p> <p>Buat pertama kali selesa selepas kemerdekaan dinikmati, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu meletus sehingga ke tahap serang-menyerang dan bunuh-membunuh dan situasi ini amat membimbangkan negara-negara yang berjiran dengan Malaysia serta negara Britain selaku penjajah yang memberikan kemerdekaan kepada Malaysia.</p> <p>Sumber: Nor Azlah Sham dan Rashidah. 2017. Tragedi 13 Mei 1969: Satu Laporan Bersumberkan Rekod Foreign and Commonwealth Office. <i>Jurnal IJGC</i>. Vol. 2(6), 139-154.</p> <p>(a) Mengapa konflik perkauman berlaku pada 13 Mei 1969?(4m) (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah pemerintah Malaysia mengatasinya</p>

		<p>konflik perkauman di negara kita?(8m) (c) Konflik perkauman merencatkan pembangunan sesebuah negara. Berikan ulasan anda.(8m)</p>
MLK	<p>4 Selepas pembentukan Malaysia, kita berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan negara terpelihara.</p> <p>(a) Nyatakan dua cabaran dalaman yang dihadapi pada waktu tersebut. (2m)</p> <p>(b) Pada pandangan anda, bagaimanakah cabaran di (a) dapat diatasi? (4m)</p> <p>(c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan perpaduan kaum di Malaysia. "...sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik adalah menjadi kewajipan kita untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian dengan menahan diri daripada melakukan perbuatan provokasi dan keganasan yang akan mengakibatkan konflik dan kekacauan. Semangat muhibah terhasil apabila rakyat yang berasal dari etnik dan agama yang berbeza saling menghormati antara satu sama lain, sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum". Berikan ulasan mengapakah kita perlu menjaga keharmonian kaum di Malaysia. (4m)</p>	
HULU PERAK	<p>7. Pernyataan berikut berkaitan pembentukan Malaysia</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Tarikh 16 September 1963 adalah adalah detik bersejarah menyaksikan penyatuhan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura membentuk negara baharu bernama Malaysia. Walau bagaimanapun, Singapura telah keluar dari Malaysia pada tahun 1965. Peristiwa penubuhan Malaysia ini telah memberi seribu faedah kepada pembangunan ekonomi, keselamatan dan memantapkan perpaduan rakyat pada hari ini. Sumber : https://news.ump.edu.my/</p> </div> <p>(a) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. [4m]</p> <p>(b) i) Mengapakah pembentukan Malaysia ditentang oleh negara jiran? [4m] ii) Apakah tindakan Malaysia untuk hadapi tantangan tersebut? [4m]</p> <p>(c) Pembentukan Malaysia telah memberi faedah kepada negara kita sehingga hari ini. Beri ulasan anda [8m]</p>	
IPOH PERAK		<p>4.MAGERAN diberikan kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Feb 1971.</p> <div style="text-align: center;">  <p>Hasil Daripada Rundingan Majlis Gerakan Negara Yang Di-Pengerusikan Oleh Tun Abdul Razak Lahirlah 5 Prinsip Rukun Negara</p> <p>1970 MAJLIS GERAKAN NEGARA MAGERAN</p> </div> <p>a)Senaraikan dua ahli MAGERAN. (2m)</p> <p>b)Salah satu usaha menangani Peristiwa 13 Mei 1969 ialah penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Jelaskan tanggungjawab MAGERAN. (4m)</p> <p>c)Terdapat beberapa situasi negara yang agak membimbangkan keamanan dan keharmonian negara pada hari ini. Berikan penjelasan anda.(4m)</p>
KELUA NG JHR	<p>8. Pembentukan Malaysia memperlihatkan kerjasama tokoh daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura di dalam rundingan dengan kerajaan British</p> <p>(a) Jelaskan idea pembentukan Malaysia tersebut. [4m]</p> <p>(b) Pembentukan Malaysia telah menimbulkan pelbagai cabaran dalaman kepada negara. Buktiakan. [8m]</p>	<p>4. Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan.</p> <p>(a) Nyatakan latar belakang Rukun Negara. [2m]</p> <p>(b) Jelaskan prinsip Rukun Negara</p> <p>(i) Keluhuran Perlembagaan. [2m]</p>

	(c) Kejayaan pembentukan Malaysia adalah hasil kebijaksanaan pemimpin negara.Beri ulasan anda. [8m]	(ii) Kesopanan dan Kesusilaan. [2m] (c) Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional. Nyatakan kepentingan usaha tersebut. [4m]
KOTA TINGGI JHR		
SMKBP		
PERLIS	<p>3.Penubuhan Suruhanjaya Cobbold pada Januari 1962 merupakan antara usaha ke arah pembentukan Malaysia.</p>  <p>a) Namakan anggota Suruhanjaya Cobbold.(2m) b) Jelaskan laporan Suruhanjaya Cobbold. (4m) c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan penubuhan Suruhanjaya Cobbold terhadap pembentukan Malaysia? (4m)</p> <p>8.Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan gagasan Pembentukan Malaysia dalam satu majlis makan tengah hari Persatuan Wartawan-wartawan Luar Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura. a) Apakah rasional idea pembentukan Malaysia?[6 markah] b) Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Jelaskan reaksi positif tempatan terhadap idea pembentukan Malaysia.[6 markah] c) Rancangan pembentukan Malaysia 1963 memberikan manfaat kepada semua wilayah yang menjadi anggotanya sehingga hari ini. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut.[8 markah]</p>	
PENANG		<p>4. Peristiwa rusuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 merupakan titik hitam dalam sejarah hubungan antara kaum di negara kita.</p> <p>(a) Nyatakan dua sebab perpaduan kaum menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia.(2m) (b) Mengapakah berlakunya tragedi 13 Mei 1969 di negara kita?(4m) (c) "Tema : Perpaduan Teras Kejayaan" Berdasarkan tema Hari Kebangsaan di atas, berikan pendapat anda dalam konteks masyarakat Malaysia pada hari ini.[4 markah]</p>

SRWK 1		<p>4. Gambar 1 menunjukkan tragedi berdarah yang berlaku di negara kita.</p>  <p>Gambar 1 Rusuhan Kaum 13 Mei 1969</p> <p>(a) Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969? [2m] (b) Cadangkan langkah-langkah bagi mengelakkan berlakunya rusuhan. [2m] (c) Cadangkan langkah-langkah bagi mengelakkan berlakunya rusuhan. [3m] (d) Mengapa perpaduan penting kepada negara kita yang penduduknya berbilang kaum? [3m]</p>
KEDAH	<p>4. Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke 19 yang melibatkan pihak British dan penduduk tempatan.</p> <p>(a) Namakan 2 pegawai British yang mencadangkan penubuhan Malaysia. [2m] (b) Mengapakah pegawai pegawai British tersebut menyokong penubuhan Malaysia? [4m] (c) Apakah manfaat yang dinikmati oleh rakyat hasil daripada pembentukan Malaysia? [4m]</p>	
SEL 1		<p>4. Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa 13 Mei 1969.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>KUALA LUMPUR-Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dahsyat negara ini pada 13 Mei 1969 perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.</p> <p>Sumber: Bernama, 13 Mei 2019.</p> </div> <p>(a) Nyatakan faktor berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969.[2m] (b) Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Jelaskan peranan majlis tersebut? [4m] (c) Rakyat memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan kaum. Beri pendapat anda.[4m]</p>
SEL 2	<p>Pengumuman pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961 oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Hotel Adelphi Singapura telah mendapat reaksi daripada pelbagai pihak sama ada menerima baik cadangan tersebut atau menentangnya.</p> <p>(a) Nyatakan dua pihak di Singapura yang menyokong pembentukan Malaysia. [2m]</p>	

	(b) Bagaimakah reaksi Brunei terhadap pembentukan Malaysia? [4m] (c) Bagaimakah keadaan negara hari ini sekiranya Malaysia tidak berjaya dibentuk? [4m]	
--	--	--

Negeri	Tajuk 14										
	T5B7 Membina Kesejahteraan Negara.	T5B8 Membina Kemakmuran Negara.									
N9	<p>4. Maklumat berikut merupakan dasar kerajaan yang bermatlamatkan perpaduan dan integrasi nasional.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dasar kebudayaan Kebangsaan. -Akta Bahasa Kebangsaan. <p>(a) Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. [2m] (b) Apakah usaha kerajaan untuk memastabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?[4m] (c) Bagaimakah dasar tersebut mampu mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional di negara kita?[4m]</p>										
SBP		<p>9. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar pembangunan negara.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th> <th>DASAR</th> <th>MATLAMAT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1970 - 1990</td> <td>Dasar Ekonomi Baru (DEB)</td> <td>Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum</td> </tr> <tr> <td>1991 - 2000</td> <td>Dasar Pembangunan Negara (DPN)</td> <td>Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan</td> </tr> </tbody> </table> <p>(a) Jelaskan strategi Dasar Ekonomi Baru. [4 m] (b) Sejauh manakah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara membawa perubahan kepada kemajuan sosial masyarakat Malaysia? [8m] (c) Maklumat berikut berkaitan dengan ucapan Tunku Panglima Besar.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-top: 10px;"> <p style="text-align: center;">Tunku Panglima Besar, Tan Sri Tunku Intan Safinaz Tunku Abdul Halim Mu'Adzam Shah menyeru rakyat agar sentiasa terlibat dalam arus perdana pembangunan negara agar tidak ketinggalan seiring dengan perubahan zaman. Sumber: Bernama.com 19 Disember, 2016</p> </div> <p style="margin-top: 20px;">Bagaimakah penglibatan rakyat dapat menyumbang ke arah pembangunan negara? Beri hujah anda. [8 m]</p>	TAHUN	DASAR	MATLAMAT	1970 - 1990	Dasar Ekonomi Baru (DEB)	Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum	1991 - 2000	Dasar Pembangunan Negara (DPN)	Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan
TAHUN	DASAR	MATLAMAT									
1970 - 1990	Dasar Ekonomi Baru (DEB)	Mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum									
1991 - 2000	Dasar Pembangunan Negara (DPN)	Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan									
KEL											
TGNU		<p>4. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara.</p> <p>(a) Mengapa DEB dilaksanakan di negara kita?(3m) (b) Bagaimakah strategi kerajaan menjayakan DEB?(3m)</p>									

		(c) DEB memberi faedah kpd semua kaum di negara kita. Buktikan pernyataan ini.(4m)
MLK	<p>8 Gambar menunjukkan keunikan dan kepelbagaiannya budaya yang wujud di Malaysia.</p>  <p>(a) Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memperkasakan perpaduan rakyat? [6 markah] (b) Jelaskan matlamat Rukun Negara dalam usaha melahirkan masyarakat bersatu padu, aman dan sejahtera. [6 markah] “Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama menjadi cabaran kepada negara dalam usaha membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya. Sumber BH, Januari 31,2020, Enizahura Abdul Aziz (c) Berdasarkan kenyataan tersebut, terangkan kepentingan memperkuuh perpaduan rakyat negara ini. [8 markah]</p>	
HULU PERAK		<p>8. Pernyataan berikut berkaitan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).</p> <p>DEB, DPN akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaja di kalangan kaum etnik tetapi juga di antara golongan kaya dan miskin dan antara wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkuuhkan perpaduan negara. Sumber : https://www.pmo.gov.my</p> <p>(a) Terangkan matlamat pelaksanaan dasar berikut. i) Dasar Ekonomi Baru (DEB) ii) Dasar Pembangunan Nasional (DPN)</p> <p>(b) Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah banyak mencapai kejayaan. Buktikan pernyataan tersebut. [6m]</p> <p>(c) Sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, apakah peranan anda untuk menjamin pembangunan berterusan negara kita. [8m]</p>

IPOH PERAK		  <p>Kilang kelapa sawit di Lubuk Antu, Sri Aman milik Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (SALCRA). 8.</p> <p>Perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara FELDA dengan Kerajaan Sabah bagi membolehkan FELDA terlibat dalam pembangunan tanah di Sabah</p> <p>a. Jelaskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui penubuhan FELDA dan pembangunan tanah. (6m) b. Terangkan tentang perkembangan FELDA Segitiga Jengka. (6m) c. Bagaimanakah kesannya terhadap negara, sekiranya jurang ekonomi yang dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru tidak diatasi? (6m)</p>
KLUANG		
KOTA TINGGI JHR		<p>8. Peranan kerajaan dalam memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar negara tidak dapat dinafikan lagi. Ianya telah bermula sejak pengenalan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara yang digubal sejak sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Pengenalan dasar pembangunan negara lebih jelas dan lebih rancak memfokuskan isu-isu tertentu bermula pada tahun 1970 sehingga kini. Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan satu program sosioekonomi di Malaysia yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1990) oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak.</p> <p><i>Sumber Artikel: Oleh Dr Hasnah Hussin, UMP & web : https://ms.wikipedia.org</i></p> <p>(a) Jelaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru. [4m] (b) Sejauhmanakah Dasar Ekonomi Baru berjaya membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat? [8m] (c) Sebagai generasi yang cinta akan tanah air, kepentingan memahami dasar kerajaan kepada pembangunan negara perlu diberi perhatian. Berikan hujah anda. [8m]</p>
SMKBP		
PERLIS		
PENAN G		<p>7 Dasar Pembangunan Nasional merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru yang dirangka untuk tempoh masa 10 tahun iaitu 1991-2000.</p> <p>a) Apakah matlamat dan objektif Dasar Pembangunan Nasional (DPN) [4 markah] b) Dasar Pembangunan Nasional (DPN) meneruskan strategi asas DEB iaitu menyusun semula masyarakat dengan membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).</p> <p>Jelaskan langkah-langkah dalam DPN untuk mencapai hasrat tersebut. [8 markah] c) Usaha membasmi kemiskinan bukan sahaja terletak di bahu kerajaan,tetapi setiap individu perlu berusaha untuk keluar daripada belenggu kemiskinan. Bagaimanakah usaha tersebut dapat direalisasikan oleh setiap individu pada masa kini? Berikan penjelasan anda. [8 markah]</p>
SRWK 1		<p>8. DEB ingin mengatasi jurang sosioekonomi melalui strategi bersifat serampang dua mata iaitu dengan membasmi dan menyusun semula masyarakat.</p> <p>(a) Apakah usaha yg diambil dalam strategi membasmi kemiskinan di bwh DEB 1970-1990? [6m] (b) Berikut adalah isu sosioekonomi yang dihadapi semasa DEB dilancarkan. Jurang sosioekonomi antara bumiputera dengan bukan bumiputera</p>

		<p>Jelaskan usaha kerajaan mengatasi isu tersebut. [6m]</p> <p>(c) Apakah kesan sekiranya, isu dalam 2(b) tersebut tidak ditangani oleh kerajaan? [8m]</p>
KEDAH	<p>8</p> <p>(a) Apakah yang anda faham dengan konsep perpaduan kaum? [4m]</p> <p>(b) Pentadbiran British menyebabkan pemisahan kaum dari segi kegiatan ekonomi dan petempatan. Jelaskan. [8m]</p> <p>(c) Bagaimanakan perpaduan memberi sumbangan kepada kemajuan negara? [8m]</p>	
SEL 1	<p>8. Perpaduan dan integrasi nasional merupakan asas penting dalam pembinaan negara Malaysia.</p> <p>(a) Nyatakan konsep berikut.</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perpaduan. [2m] ii) Integrasi nasional. [2m] <p>(b) Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional selepas negara mencapai kemerdekaan. Terangkan usaha-usaha tersebut. [8m]</p> <p>(c) Ramalkan keadaan negara sekiranya tiada persefahaman antara kaum. [8m]</p>	
SEL 2		<p>8. Petikan berikut merujuk kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).</p> <p>“DEB yang berlangsung dari 1970 hingga 1990 Terbukti mencapai kejayaan dalam mencorakkan Malaysia dengan objektif membasmi kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat iaitu daripada 50% pada awal 70-an kepada kurang 1% ketika ini” Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali</p> <p>(a) Terangkan latar belakang pembentukan DEB di negara kita. [4m]</p> <p>(b) Bagaimanakah DEB meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar dan bandar? [8m]</p> <p>(c) Jelaskan kesan terhadap negara sekiranya jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar tidak diatasi. [8m]</p>

Negeri	Tajuk 15	
	T5B9 Dasar Luar Malaysia.	T5B10 Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia.
N9	<p>9. Dasar luar Malaysia memasuki fasa baharu setiap tahun 1970-an. Perubahan Yang berlaku dalam ekonomi, sosial dan politik pada peringkat antarabangsa turut memberikan kesan kepada negara kita.</p> <p>(a) Jelaskan cabaran dalam mengukuhkan dasar luar Malaysia. [6m]</p> <p>(b) Malaysia mempunyai peranan penting dalam ASEAN. Bincangkan. [6m]</p> <p>(c) Kebijaksanaan pemimpin berjaya memperkuuh dasar luar negara kita. Ulas pernyataan ini. [8m]</p>	
SBP	<p>4. Maklumat berikut berkaitan cabaran baharu negara dalam usaha untuk mengukuhkan dasar luar sejak tahun 1970-an.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan dan pertahanan • Politik antarabangsa • Politik serantau • Pembangunan ekonomi 	

	<p>(a) Nyatakan cabaran politik serantau. [2m] (b) Bagaimanakah negara mendepani cabaran-cabaran tersebut? [4m] (c) Pernyataan berikut berkaitan pendirian negara dlm menjalin hubungan luar negara pd masa kini.</p> <p>“..... dasar luar sedia ada mencakupi tiga tiang seri, iaitu keselamatan dan keamanan; mempromosi keperluan negara khususnya sektor ekonomi serta keperluan mempertahankan identiti dan bangsa masih utuh sebagai pendirian utama kerajaan....” Sumber : BH 23 Apr 19</p> <p>Apakah manfaat yang diperoleh kesan daripada dasar luar tersebut? [4m]</p>	
KEL		<p>9. Malaysia berada di barisan hadapan untuk menyuarakan pandangan tentang isu kemanusiaan dan keamanan dalam pertubuhan antarabangsa.</p> <p>(a) Jelaskan penglibatan Malaysia dalam isu tersebut.[4m] (b) Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Malaysia dalam isu Palestin.</p> <p>Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia menjalinkan hubungan erat dengan negara negara Islam. Komitmen hubungan sebagai asas hubungan luarnya. Malaysia berperanan aktif dalam mencari penyelesaian adil dalam menangani konflik Israel- Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.</p> <p>Bagaimanakah Malaysia berperanan membantu negara tersebut? [8m] (c) Mengapakah konflik kemanusiaan masih berlaku pada masa ini? [8m]</p>
TGNU		
MLK		<p>9. Gambar berikut berkaitan pelibatan Malaysia dalam isu global kontemporari</p>  <p>(a) Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia bagi mencegah penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa? [6 markah] (b) Malaysia memainkan peranan penting pada peringkat antarabangsa dalam isu kemanusiaan dan keamanan. Buktikan. [6 markah] (c) Kerjasama dalam kalangan masyarakat penting bagi mengawal penularan wabak penyakit di Malaysia. Berikan ulasan anda.[8 markah]</p>

HULU PERAK	<p>9. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar luar negara kita.</p> <p>Malaysia akan terus melaksanakan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai – nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Teras utama dasar luar Malaysia adalah untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta untuk menyumbang secara bermakna ke arah masyarakat dunia yang adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang effektif. Sumber : https://www.pmo.gov.my</p> <p>(a) Terangkan matlamat penggubalan dasar luar Malaysia. [4m] (b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia [8m] (c) Malaysia menghadapi cabaran dalam politik antarabangsa dan keselamatan. Bagaimanakah Malaysia mengatasi cabaran tersebut? [8m]</p>	
IPOH PERAK	<p>9. Gambar menunjukkan peranan dan sumbangan Malaysia dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)</p>   <p>a. Jelaskan peranan dan sumbangan Malaysia dalam ASEAN. [4 markah]</p>   <p>b. Jelaskan sumbangan NGO Malaysia yang terlibat dalam misi kemanusiaan tsunami di Aceh dan Sri Lanka. (8m) c. Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah sumbangan anda untuk membantu negara dan mangsa yang mengalami bencana tsunami? (8m)</p>	
KELUANG		<p>9. Malaysia berada di barisan hadapan dalam membangkitkan isu kemanusiaan dan keamanan di peringkat antarabangsa dan serantau. Rakyat Malaysia juga aktif terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan membantu mangsa bencana alam mahupun peperangan.</p> <p>(a) Apakah isu-isu kemanusiaan yang diperjuangkan oleh rakyat Malaysia? [4m] (b) Jelaskan usaha-usaha rakyat Malaysia menangani isu-isu kemanusiaan tersebut. [8m] (c) Sikap kerjasama Malaysia mengekalkan keamanan dunia pada hari ini adalah satu langkah yang bijak dalam menguruskan isu-isu global. Beri ulasan anda. [8m]</p>

KOTA TINGGI JHR	<p>4. Pernyataan berikut berkaitan dengan pertubuhan ASEAN</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>"..... Kejayaan dan peranan Malaysia dalam ASEAN menjadi faktor penting mengkekalkan keamanan serta pengurangan risiko konflik berskala besar...."</p> <p>Collins Chong, (1 Februari 2021) Hubungan Baik Malaysia-AS Wadah Perkasa Negara, ASEAN. Berita Harian, 10.</p> </div> <p>(a) Hubungan diplomatik antara Malaysia dan negara-negara ASEAN bertolak dari ikatan sejarah. Jelaskan.(3m)</p> <p>(b) Kedudukan Asia Tenggara yang strategik menjadi tarikan serta tumpuan kuasa besar. Bagaimanakah Malaysia memastikan keamanan rantau ini sentiasa terjamin?(3m)</p> <p>(c) Pada pandangan anda, mengapakah Malaysia sentiasa menunjukkan sikap prihatin terhadap negara jirannya?(4m)</p> <p>9. Pernyataan berikut berkaitan dengan ASEAN.</p> <p>PIAGAM ASEAN; Mematuhi prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan pemerintahan yang baik, menghormati dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi;</p> <p>(a) Apakah matlamat pertubuhan ASEAN? [4m]</p> <p>(b) Bagaimanakah Malaysia memastikan piagam di atas dipatuhi? [8m]</p> <p>(c) ASEAN berjaya mempertahankan hak asasi manusia sebagaimana termaktub dalam Piagam di atas. Bersetujukan anda pernyataan tersebut. Beri alasan anda berdasarkan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8m]</p>	
SMKBP		
PERLIS	<p>4.Rukun Negara telah diisytiharkan secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong IV pada 31 Ogos 1970. Logo Rasmi Sambutan Jubli Emas Rukun Negara telah dicipta sempena sambutan 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan.</p> <div style="text-align: center; margin-top: 20px;">  </div> <p>LOGO RASMI SAMBUTAN JUBLI EMAS RUKUN NEGARA</p> <p>a)Terangkan maksud logo Rukun Negara berikut. (2m)</p> <p>b)Jelaskan matlamat Rukun Negara.(4m)</p> <p>c)Prinsip Rukun Negara mampu memperkuuh dan mengeratkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Beri ulasan anda. (4m)</p> <p>9.Dasar luar negara merupakan tindakan pihak kerajaan dalam menjalinkan hubungan dengan negara lain mengikut keperluan dan kepentingan negara sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu lagi.</p> <p>a)Apakah kepentingan hubungan luar kepada Kesultanan Melaka pada abad ke-15?[4 markah]</p> <p>b)Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menggubal dasar luar yang dinamik. Terangkan faktor penggubalan dasar luar Malaysia.[8 markah]</p> <p>c)Dasar luar Malaysia membawa kemakmuran kepada negara kita. Buktikan.[8 markah]</p>	

PENANG	<p>9. Gambar berikut menunjukkan Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha mengekalkan kelestarian global.</p>  <p>(a) Jelaskan kepentingan pengisytiharan Deklarasi Langkawi. [4 markah] (b) Terangkan usaha negara dalam mengekalkan kelestarian global bersama-sama dengan pertubuhan antarabangsa? [8 markah] (c) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjaga dan mengekalkan keaslian alam sekitar? [8 markah]</p>	
SRWK 1		<p>9. Malaysia memainkan peranan dalam isu global terutamanya demi menjaga kepentingan negara dan rakyatnya.</p> <p>(a) Apakah isu global yang dihadapi oleh negara kita? [4m] (b) Jelaskan tindakan negara kita dalam menangani isu tersebut. [8m] (c) Jelaskan tindakan negara kita dalam menangani isu tersebut. [8m]</p>
KEDAH	<p>9. Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) ditubuhkan selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1945.</p> <p>(a) Nyatakan matlamat pertubuhan PBB. [4m] (b) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam misi pengaman melalui pertubuhan di atas. [8m] (c) Anda sebagai ketua kerajaan, cadangkan langkah-langkah untuk mengelakkan perang dunia seterusnya. [8m]</p>	
SEL 1	<p>9. Pernyataan berikut berkaitan dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).</p> <p>Kerjasama dengan anggota OIC adalah untuk memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia memperoleh manfaat dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.</p> <p>(a) Nyatakan latar belakang Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). [4m] (b) Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam OIC. Buktikan pernyataan tersebut. [8m] (c) OIC ditubuhkan untuk menjaga kepentingan masyarakat Islam di seluruh dunia. Berikan hujah anda.[8m]</p>	
SEL 2		<p>9. Gambar berikut berkaitan dengan isu-isu global Yang dihadapi oleh Malaysia.</p>  <p>(a) Bagaimanakah Malaysia berusaha memerangi penyalahgunaan dadah? [4m] (b) Jelaskan isu kempen anti minyak sawit yang dihadapi oleh Malaysia. [8m] (c) Dadah adalah pemuasah kehidupan dan musuh utama negara. Berikan ulasan anda. [8m]</p>

**KOLEKSI SOALAN DAN PANDUAN JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI
2021**

TAJUK	SOALAN DAN PERATURAN PEMARKAHAN
Tajuk 9 : Nasionalisme di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua	<p>Bab 1 : Warisan Negara Bangsa</p> <p>Soalan</p> <p>1. Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu. [4m] (SBP)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Mempunyai Raja F2 Tonggak utama kerajaan F3 Dibantu pembesar F4 Kesetiaan Rakyat F5 Ditaati / suci F6 Raja Champa / Dewa Siva F7 Mempunyai undang-undang F8 Digunakan di wilayah pengaruh F9 Panduan pentadbiran F10 Kutara Munawa / Kerajaan Majapahit F11 Wilayah Pengaruh F12 Menerima / memperakui raja F13 Pengaruh luas F14 Kerajaan Funan F15 Rakyat jelata F16 Setia pada raja F17 Srivijaya upacara persetiaan</p> <p>Soalan</p> <p>1. Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [2m/ 3m] (Johor/ Kedah) 2. Jelaskan 2 ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. [4m] (Sarawak)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Kerajaan F2 Rakyat F3 Kedaulatan F4 Wilayah Pengaruh F5 Undang-undang F6 Lambang Kebesaran</p> <p>Soalan</p> <p>1. Maklumat berikut berkaitan dengan undang undang yang berdasarkan syariah dan hukum adat Kesultanan Melayu Melaka. i) Hukum Kanun Melaka. ii) Undang undang Laut Melaka. Apakah perkara yang terkandung dalam undang undang tersebut? [3m] (Kelantan)</p> <p>2. Nyatakan dua perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka. [2m] (Selangor)</p> <p>3. Rajah berikut berkaitan dengan undang undang yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.</p> <div style="text-align: center; margin-top: 10px;"> <pre> graph TD A[Undang-undang Kesultanan Melayu Melaka] --- B[Hukum Kanun Melaka] A --- C[Undang-undang Laut Melaka] </pre> </div>

Nyatakan dua perkara yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka. [2m] (Selangor)

Jawapan

Hukum Kanun Melaka


- F1 Jenayah
- F2 Peranan sultan dan pembesar
- F3 Undang-undang kekeluargaan
- F4 Ekonomi

Undang-undang Laut Melaka

- F5 Jenayah atas kapal
- F6 Peranan nakhoda
- F7 Pelayaran
- F8 Percukaian/ hasil perniagaan

Soalan

1. Rajah 1 menunjukkan hubungan timbal balik pemerintah dan rakyat yang wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Rajah 1

Nyatakan mereka yang termasuk dalam golongan berikut:

- i) Pemerintah
- ii) Rakyat

[2m] (Terengganu)

2. Masyarakat dalam kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada 2 golongan iaitu golongan memerintah dan diperintah.
Senaraikan 2 golongan yang diperintah. [2m] (Sarawak)

Jawapan

Pemerintah

- F1 Sultan
- F2 Pembesar
- F3 Kerabat Raja
- F4 Ulama

Rakyat/ Golongan diperintah

- F5 Peniaga/ petani/ tukang/ nelayan
- F6 Hamba raja/ hamba ber hutang/ hamba biasa

Soalan

1. Hubungan timbal balik antara pemerintah dan rakyat telah mengukuhkan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. Beri ulasan anda. [8 m] (SBP)

Jawapan

F1 Muncul kerajaan adanya rakyat

- H1a Pemerintahan dibantu oleh pembesar
- H1b Sistem Pembesar Empat Lipatan
- H1c Pentadbiran tersusun

F2 Taat setia rakyat

- H2a Mematuhi undang-undang
- H2b Keselamatan rakyat dilindungi oleh raja
- H2c Rakyat mengakui kekuasaan sultan
- H2d Kekuasaan sultan mengawal rakyat dan wilayah
- H2e Rakyat menjadi tentera

	<p>H2f Rakyat menjalankan aktiviti gotong-royong H2g Menjadi pengayuh / pendayung kapal perang H2h Menyumbang tenaga kerja membina istana / jalan</p> <p>F3 Kesejahteraan negara H3a Pemerintah bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara H3b Kestabilan politik</p> <p>F4 Undang-undang H4a Memperkenalkan undang-undang mengawal rakyat</p> <p>F5 Kebajikan rakyat H5a Menjaga kebajikan rakyat di Kawasan pegangan H5b Perantara sultan dengan rakyat H5c Mengutip hasil melalui sistem serah / sistem kerah Mana-mana jawapan munasabah</p>
	<p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagaimanakah rakyat membuktikan kesetiaan mereka kepada golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?[4m] (Terengganu)
	<p>Jawapan</p> <p>F1 Mematuhi arahan pemerintah F2 Tidak menderhaka F3 Menjadi tentera F4 Menghadiri majlis umum F5 Bergotong-royong F6 Menyumbang tenaga kerja/ sistem kerah F7 Membina istana/ jalan F8 Menjadi pengayuh/ Pendayung kapal perang F9 menyerahkan hasil/ sistem serah</p>
	<p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Huraikan peranan Pembesar Berempat yang telah berjaya memastikan keunggulan pentadbiran Kesultanan Melaka.[4m] (Johor) 2. Pentadbiran pusat dikendalikan oleh Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Senaraikan peranan Bendahara. [2m] (Perak)
	<p>Jawapan</p> <p>F1 Bendahara Melaka H1a Ketua pentadbir H1b Ketua turus angkatan tentera H1c Menasihati sultan dalam pelbagai hal H1d Menjadi pemangku sultan C1 Tun Perak</p> <p>F2 Penghulu Bendahari H2a Menguruskan perbendaharaan secara teratur C2 Urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan</p> <p>F3 Temenggung H3a Menjaga keselamatan Kota Melaka,</p> <p>H4 Laksamana H4a Bertindak sebagai panglima angkatan laut Melaka</p>

Soalan

1. Jelaskan peranan nakhoda dan malim yg terkandung dalam Undang2 Laut Melaka. [4m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Nakhoda berkuasa penuh
F2 Diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran
F3 Semua pihak perlu patuh arahan/ perintah makhoda
F4 Nakhoda diberi keutamaan untuk bermula selama 4 hari
F5 Sekiranya Nakhoda ingin singgah di tempat yang tiada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat untuk dapatkan persetujuan semua
F6 Malim perlu arif tentang ilmu pelayaran
F7 Perlu mengetahui keadaan ombak/ arus/ kedudukan bulan/ bintang
F8 Memastikan pelayaran berada dalam keadaan selamat
F9 Jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan kerosakan/ pelanggaran dia akan dijatuhi hukuman bunuh

KBAT**Soalan**

1. Mengapakah Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka digubal oleh pemerintah Kesultanan Melayu Melaka? [3m] (Kelantan)

Jawapan

- F1 Menjadikan KMM sebuah kerajaan yang terkenal/ teragung
F2 Mewujudkan pentadbiran yang tersusun
F3 Menjamin pemerintahan yang lancar/ cekap
F4 Menjamin keselamatan kerajaan KMM
F5 Mewujudkan keharmonian/ kesejahteraan
F6 Menggambarkan kebijaksanaan pemerintah
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

2. Pada pendapat anda, bagaimanakah langkah yang dapat diambil dalam mengekalkan warisan negara bangsa. [4m] (Johor)

Jawapan

- F1 Mengadakan pameran
F2 Program di televisyen
F3 Pertandingan kesenian penulisan esei
F4 Seminar
F5 Lawatan sambil belajar
F6 Kajian kes/ sejarah
F7 Memuatkan dalam buku teks
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

3. Jelaskan kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara pada hari ini. [4m] (Kelantan)

Jawapan

- F1 Lambang keagungan sesebuah kerajaan
F2 Mempunyai peraturan yang lengkap
F3 Mewujudkan negara yang aman dan harmoni
F4 Mewujudkan pentadbiran yang tersusun
F5 Menjamin pemerintahan yang cekap
F6 Menjamin keselamatan rakyat dan negara
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

4. Hubungan yang harmoni antara golongan pemerintah dan golongan diperintah akan memajukan negara.
Ulaskan [4m] (Kedah)

Jawapan

- F1 Ekonomi negara berkembang pesat
F2 Pelabur berminat untuk melabur
F3 Wujud banyak peluang pekerjaan
F4 Taraf hidup rakyat meningkat
F5 Pendapatan negara bertambah
F6 Eksport barang ke luar meningkat
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

5. Apakah kejayaan yang mampu dicapai sekiranya rakyat negara kita sentiasa mendaulatkan undang-undang? [4m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Politik negara akan stabil
F2 Pentadbiran negara dapat berjalan lancar
F3 Negara aka naman damai
F4 Rakyat hidup bersatu padu/ tiada percaduhan
F5 Kedaulatan negara akan terjamin
F6 Ekonomi berkembang maju
F7 Pelaburan luar meningkat
F8 Pendapatan rakyat/ negara bertambah
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

6. Mengapakah kita perlu memelihara warisan bangsa Kesultanan Melayu Melaka? [4m] (Sarawak)

Jawapan

- F1 Untuk dijadikan sebagai warisan.
F2 Rujukan generasi akan datang.
F3 Sebagai sumber Sejarah.
F4 Generasi muda dapat melihat mengetahui identiti asal negara.
F5 Menimbulkan rasa bangga kerana lambang kebanggaan tamadun bangsa.
F6 Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.
F7 Menjadi lambangkan keistimewaan keunikan negara.
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

7. Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka untuk kegemilangan bangsa dan negara Malaysia [4m] (Perak)

Jawapan

- F1 Bijak menggunakan kelebihan geografi
F2 Menjalinkan hubungan baik dengan negara luar
F3 Memantapkan sistem pentadbiran negara
F4 Menggubal undang-undang yang berkesan
F5 Memastikan sistem perundangan tersusun
F6 Mempunyai pemerintah yang berwibawa
F7 Memastikan politik negara sentiasa stabil
Mana-mana jawapan munasabah

**Tajuk 9 :
Nasionalisme
di Malaysia
Sebelum
Perang Dunia
Kedua**

Bab 2 : Kebangkitan Nasionalisme

Soalan

1. Apakah maksud nasionalisme [3m/ 2m] (N Sembilan/ Melaka)
2. Jelaskan maksud nasionalisme [2m] (Johor)

Jawapan :

- F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara
- F2 Semangat kebangsaan
- F3 Sikap/ pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan
- F4 Pembelaan terhadap bangsa/ negara
- F5 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik/ ekonomi/ sosial daripada penguasaan asing
- F6 Kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya
- F7 Kesedaran dan ketegasan diri
- F8 Menzhirkan suatu bangsa yang lebih tegap/ kuat/ boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri/ mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa yang lain yang tegap dan bersatu
- F9 Menebus/ merebut/ merampas kembali hak mutlak bangsa kita
- F10 Menubuhkan negaranya sendiri/ memindahkan kedaulatan kepada rakyat
- F11 Kesetiaan kepada raja/ faham kebangsaan yang bersifat ke 'Tanah Melayuan'
- F12 Perjuangan orang Melayu mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri

Soalan

1. Nyatakan faktor kemunculan nasionalisme di negara kita? [2m] (Johor)
2. Bagaimanakah peranan agama menyumbang kepada gerakan nasionalisme pada abad ke 20 di Tanah Melayu. [3m] (N Sembilan)
3. Bagaimanakah faktor penulisan kreatif dan sistem pendidikan dapat menyemarakkan nasionalisme di negara kita [4m] (SBP)
4. Kemunculan nasionalisme pada abad ke 20 di negara kita didorong oleh pengaruh luar dan serantau. Jelaskan. [4m] (Melaka)
5. Nasionalisme digerakkan melalui penulisan oleh tokoh nasionalis melalui kegiatan penulisan kreatif. Bagaimanakah karya kreatif dimanfaatkan sebagai medium perkembangan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20? [4m] (Johor)
6. Bagaimanakah faktor berikut mendorong kemunculan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20?
 - (i) Media Cetak [2m]
 - (ii) Sistem Pendidikan [2m] (Johor)

Jawapan

F1 Peranan agama

- H1a Pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir
- H1b Terdedah dengan Gerakan Islah
- H1c Menyeru umat Islam kembali kepada ajaran sebenar
- H1d Berpandukan al-Quran dan hadis
- H1e Menentang imperialisme barat di negara Islam

F2 Penulisan kreatif

- H2a Hasil kesusasteraan tokoh nasionalis
- H2b Wadah mengungkap keperitan hidup
- H2c Mendedahkan penderitaan rakyat yang dijajah
- H2d Melalui karya novel/ cerpen/ puisi
- H2e Menaikkan semangat memahami realiti hidup dijajah
- H2f Novel Melor Kuala Lumpur/ cerpen Cerita Awang Putat

	<p>F3 Media cetak</p> <p>H3a Berperanan menyalur maklumat/ menyebarkan berita</p> <p>H3b Akhbar Jawi Peranakan menegur campur tangan British dalam agama Islam/ Bahasa Melayu di Singapura</p> <p>H3c Akhbar Sekolah Melayu diguna sebagai bahan bacaan di sekolah Melayu</p> <p>H3d Majalah al-Imam/ Neracha/ Pengasuh memuatkan idea pembaharuan</p> <p>H3e Akhbar Fajar Sarawak mengkritik dasar pemerintahan Brooke</p>
	<p>F4 Sistem Pendidikan</p> <p>H4a Pendidikan Islam/ Madrasah</p> <p>H4b Menüpakan semangat baru dalam kalangan pelajar</p> <p>H4c Madrasah al-Attas/ Madrasah al-Mashyur/ Madrasah al-Idrisiyah</p> <p>H4d Menerima idea nasionalisme melalui ulama Kaum Muda</p> <p>H4e Melahirkan golongan memimpin rakyat menuntut hak mendapatkan pendidikan</p> <p>H4f Raffles Institution/ Maktab Melayu Kuala Kangsar/ Maktab Perguruan Sultan Idris</p> <p>H4g Menuntut hak mendapatkan Pendidikan</p> <p>H4h Mendesak British lakukan pembaharuan</p> <p>H4i Menghasilkan karya nasionalisme bagi menyedarkan masyarakat</p>
	<p>F5 Kemunculan golongan intelektual</p> <p>H5a Hasil perkembangan sistem pendidikan</p> <p>H5b Lepasan timur tengah/ lepasan pendidikan Inggeris/ pendidikan Melayu</p> <p>H5c Syed Sheikh al-Hadi/ Abdul Kadir Adabi/ Datuk Undang Rembau Abdullah Haji Dahan/ Muhammad Eunos Abdullah/ Ustaz Abu Bakar Mohd Said (Abu Bakar al-Baqir)/ Ibrahim Haji Yaacob</p> <p>H5d Mereka menggunakan akhbar/ menubuhkan persatuan untuk menyedarkan rakyat tentang nasionalisme</p>
	<p>F6 Pengaruh luar dan serantau</p> <p>H6a Kebangkitan Pan Islamisme di empayar Uthmaniyyah</p> <p>H6b Menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar</p> <p>H6c Pengaruh gerakan Islah di Mesir</p> <p>H6d Menggesa umat Islam melakukan pembaharuan</p> <p>H6e Gerakan Revolusi China pimpinan Sun Yat Sen</p> <p>H6f Menimbulkan kesedaran nasionalisme</p> <p>H6g Perjuangan Mahatma Ghandi</p> <p>H6h Menentang British tanpa kekerasan menjadi inspirasi</p> <p>H6i Perjuangan Jose Rizal/ Soekarno</p> <p>H6j Menyemarakkan usaha menentang penjajah</p> <p>H6k Kemunculan Jepun sebagai kuasa besar dunia/ menewaskan Rusia</p> <p>H6l Membuka mata penduduk tempatan memperjuangkan nasib mereka</p>
	<p>Soalan</p> <p>1. Rajah di bawah adalah golongan yang mempelopori gerakan nasionalisme di Tanah Melayu</p> <pre> graph LR A[Perjuangan Nasionalisme] --> B[Intelektual berpendidikan agama] A --> C[Intelektual berpendidikan Inggeris] A --> D[Intelektual berpendidikan Melayu] </pre> <p>Senaraikan madrasah yang telah didirikan oleh intelektual berpendidikan agama. [2m] (Selangor)</p>

Jawapan

- F1 Madrasah al-Attas Johor Baharu, johor
- F2 Madrasah al-KKhairiyah al-Islamiyyah Pokok Sena, Kedah
- F3 Madrasah al-Ehya Assharif, Gunung Semanggol Perak

Soalan

- 1. Apakah tuntutan golongan berpendidikan Inggeris kepada kerajaan British? [2m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Hak mendapatkan Pendidikan bagi orang Melayu
- F2 Memperbaiki taraf hidup orang Melayu
- F3 Membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan

Soalan

- 1. Jelaskan usaha Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) dalam melahirkan semangat kesedaran bangsa. [3m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Meniupkan kesedaran kebangsaan dlm kalangan pelajar melalui guru
- F2 Melahirkan tokoh penulis dan nasionalis
- F3 Menubuhkan Pejabat Karang Mengarang yang diketuai Za'ba
- F4 Menghasilkan buku berkualiti
- F5 Mengasah bakat pelajar
- F6 SITC dijadikan sebuah taman ilmu
- F7 Membawa masuk bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia
- F8 Menekankan mata pelajaran sejarah / pendedahan keagungan empayar Melaka
- F9 Melahirkan Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar/ Ikatan Semenanjung Borneo
- F10 Melahirkan persatuan yang lebih radikal/ Kesatuan Melayu Muda

Soalan

- 1. Thailand adalah antara beberapa negara yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa besar di dunia. Hal ini kerana nasionalisme di negara tersebut dipelopori oleh Raja Thailand yang melakukan pemodenan dalam pentadbiran untuk menjadikan Thailand negara yang bebas daripada penjajahan kuasa Barat.
Nyatakan 2 tokoh pemodenan pentadbiran yg terlibat dgn gerakan nasionalisme di Thai [2m] (P. Pinang)

Jawapan

- F1 Raja Mongkut
- F2 Raja Chulalongkorn

Soalan

- 1. Jelaskan pemodenan pentadbiran yang dilakukan oleh tokoh di 1(a). [4m] (P. Pinang)

Jawapan

Raja Mongkut

- F1 Memulakan langkah pemodenan
- F2 Melaksanakan birokrasi barat
- F3 Membawa masuk penasihat Barat untuk latih pegawai tempatan
- F4 Dalam bidang kewangan/ Pelabuhan/ kastam/ ketenteraan/ polis
- F5 Membawa masuk guru dari Barat
- F6 Melaksanakan Pendidikan Barat

- Chulalongkorn
 F7 Meneruskan pemodenan negara/ dasar terbuka
 F8 Menjadikan Thailand bebas dari penjajahan

KBAT

Soalan

1. Semangat nasionalisme perlu diterapkan dalam kalangan warganegara Malaysia. Pada pendapat anda apakah kesan sekiranya warganegara Malaysia tidak mempunyai semangat nasionalisme? [4m] (N Sembilan)
2. Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi. [4m] (Johor)
3. Jelaskan kesan yang berlaku sekiranya generasi kini tidak mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi dalam diri mereka.[4m] (Johor)

Jawapan

- F1 Politik negara tidak stabil
 F2 Pentadbiran negara tidak berjalan lancar
 F3 Keamanan negara terjejas
 F4 Banyak berlaku jenayah/ korupsi/ rasuah/ pergaduhan
 F5 Keselamatan rakyat tidak terjamin/ hidup huru-hara
 F6 Kedaulatan negara tergugat
 F7 Masyarakat hilang jati diri

Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

1.

Segelintir masyarakat kurang senang dan mendakwa semangat kemerdekaan dalam kalangan orang muda semakin pudar.

Sumber : Harian Metro, 27 Ogos 2018

Mengapakah keadaan sedemikian boleh berlaku?
 Beri komen anda. [4m] (SBP)

Jawapan

- F1 Kurang penghayatan kepada sejarah negara
 F2 Tidak mengambil iktibar daripada perjuangan tokoh-tokoh membebaskan negara daripada penjajahan
 F3 Mengambil mudah mata pelajaran sejarah
 F4 Tidak menghayati prinsip Rukun Negara
 F5 Kurangnya semangat cinta akan negara

Mana-mana jawapan munasabah

Soalan


1. Mengapakah semangat nasionalisme perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat di negara kita? [4m] (Melaka)

Jawapan

- F1 Mengekalkan kedaulatan negara
 F2 Memastikan keamanan negara
 F3 Menjamin perpaduan antara kaum
 F4 Mengelakkan pergaduhan antara kaum
 F5 Membentuk jati diri yang kukuh
 F6 Melahirkan masyarakat yang sanggup berkorban untuk negara
 F7 Menggerakkan kemajuan ekonomi negara

Mana-mana jawapan munasabah

	<p>Soalan</p> <p>1. Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat memodenkan pentadbiran negara supaya seiring dengan abad ke-21? [4m] (Johor)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Menggalakkan penguasaan kemahiran dalam pelbagai bidang F2 Melahirkan lebih ramai pakar/ golongan berpendidikan F3 Melakukan inovasi dalam pentadbiran F4 Memberikan idea-idea yang lebih kreatif untuk Menyusun pentadbiran yang sistematis F5 Mengelakkan amalan rasuah/ korupsi F6 Mengurangkan karenah birokrasi F7 Mengamalkan amalan Bersih, Cekap dan Amanah F8 Menyediakan pelbagai kemudahan untuk melancarkan pentadbiran</p> <p>Mana-mana jawapan munasabah</p> <p>Soalan</p> <p>1. Pada pendapat anda, mengapakah gerakan nasionalisme di negara kita dipelopori oleh golongan intelektual? [3m] (Selangor)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Golongan ini mendapat pendidikan formal di dalam dan luar negara F2 Terdedah dengan idea-idea baru seperti demokrasi F3 Menyedari penindasan yang dilakukan oleh penjajah di negara kita F4 Menubuhkan dan memimpin persatuan F5 Menghasilkan karya untuk meniupkan semangat kebangsaan F6 Mendapat kepercayaan rakyat</p> <p>Mana-mana jawapan munasabah</p>
--	--

TAJUK	SOALAN DAN PERATURAN PEMARKAHAN
Tajuk 10 : Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air	<p>Bab 3 : Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita</p> <p>Soalan</p> <p>1. Nyatakan faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua di Eropah. [6m] (Johor)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Kemunculan ideologi baru F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa</p> <p>2. Rajah menunjukkan faktor PD2 di Eropah.</p>  <p>Bagaimanakah kedua-dua faktor tersebut mencetuskan Perang Dunia Kedua? [6 m] (Sarawak)</p> <p>Jawapan</p> <p>Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles</p> <p>F1 Jerman menganggap Perjanjian Versailles tidak adil H1a Kandungan Perjanjian Versailles mencabar kedaulatan Jerman H1b Tanah jajahan Jerman dirampas H1c Jerman perlu bayar pampasan perang yang tingga H1d Jerman dilarang membesarkan saiz tenteranya</p>

	<p>F2 Itali yang menyertai Pakatan Bertiga turut tidak berpuas hati H2 Itali tidak diberikan tanah jajahan seperti Perancis dan Poland</p> <p>Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa</p> <p>F3 Liga Bangsa-Bangsa gagal menguatkuasakan perlucutan senjata H3a Jerman mengetepikan Perjanjian Versailles H3b Jerman keluar daripada Liga Bangsa-Bangsa H3c Jerman memperbesar angkatan tenteranya secara terbuka.</p> <p>F4 Liga Bangsa-Bangsa gagal menangani krisis pencerobohan wilayah H4a Jepun menakluki Manchuria, wilayah China H4b Itali menyerang Habsyah di Afrika</p> <p>Tambahan faktor :</p> <p>Kemunculan ideologi baru</p> <p>F5 Fasisme di Itali pimpinan Benito Mussolini H5a Kepentingan negara melebihi individu H5b Nasionalisme melampau H5c Berperang untuk imej H5d Menguasai Habshah dan Albania</p> <p>F6 Nazisme di Jerman pimpinan Adolf Hitler H6a Parti Nazi berjaya membentuk kerajaan Jerman H6b Nazisme mengagung bangsa Jerman H6c Hitler memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengenepikan Perjanjian Versailles H6d Hitler membina angkatan tentera semula H6e Menduduki Rhineland semula</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jelaskan peristiwa PD2 di Eropah. [6m] (Sarawak) <p>Jawapan</p> <p>F1 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat.</p> <p>H1a Jerman memulakan serangan Blitzkrieg H1b Bagi menakluki negara di Eropah Barat. H1c Jerman berjaya menawan Poland/ Denmark/ Norway/ Belanda/ Belgium/ Luxembourg/ Perancis. H1d Menjelang 1941 , hampir seluruh negara Eropah dikuasai oleh Jerman</p> <p>F2 Pengeboman Britain.</p> <p>H2a Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain. H2b Jerman menyerang pelabuhan / kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain. H2c Ekonomi Britain terjejas.</p> <p>F3 Penyertaan Itali dalam perang di Eropah.</p> <p>H3a Itali menjadi sekutu Jerman. H3b Itali mengisyiharkan perang terhadap Britain dan Perancis. H3c Itali menyerang Perancis melalui arah selatan. H3d Jerman menyerang Perancis dari arah utara.</p> <p>F4 Serangan Jerman terhadap Rusia.</p> <p>H4a Jerman melancarkan operasi Barbarossa. H4b Serangan besar-besaran untuk menawan Rusia. H4c Hitler bercita-cita untuk menguasai seluruh Eropah. H4d Mensasarkan bandar-bandar utama di Rusia.</p>
--	--

Soalan

1. Operasi Kod “D-Day” tentera Bersekutu telah membawa kepada kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Kedua.
Berikan penjelasan anda.[6m] (Johor)

Jawapan

- F1 Melalui operasi Kod “D –Day” tentera bersekutu **berjaya mendarat di Normandy, Perancis**
- F2 Memperdaya tentera Jerman
- F3 Berjaya menyakinkan tentera Jerman
- F4 Mendarat di Calais bukan di Normandy
- F5 Meningkatkan semangat tentera Bersekutu
- F6 Kejayaan membebaskan Perancis dan Eropah Barat daripada penaklukan Jerman
- F7 D-Day tentera Bersekutu memasuki Jerman arah Barat
- F8 Rusia menyerang dari arah Timur

Soalan

1. Apakah tujuan kedatangan Jepun ke negara kita? [2m] (Negeri Sembilan)
2. Mengapakah Jepun menjajah Tanah Melayu? [4m] (Kelantan)
3. Mengapakah Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah menjadi sasaran tentera Jepun? [6m] (Terengganu)
4. Apakah faktor-faktor kedatangan Jepun di negara kita? [4 m] (Perlis)
5. Mengapakah negara kita menjadi sasaran Jepun setelah dikenakan sekatan ekonomi oleh pihak bersekutu? [2m] (Pulau Pinang)
6. Nyatakan 2 sebab Jepun menyerang Tanah Melayu. [2m] (Kedah)

Jawapan

- F1 **Memenuhi keperluan ekonomi**
- F2 **Mengeksloitasi sumber** bahan mentah
- F3 Tanah Melayu pengeluar utama **bijih timah/ getah/ emas/ bijih besi/ arang batu/ bausit**
- F4 **Keperluan perindustrian**
- F5 **Miri/ Lutong** di Sarawak menjadi sasaran utama untuk dapatkan sumber minyak
- F6 Sebahagian rancangan membentuk **Kawasan Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya**
- F7 **Kepentingan strategik ketenteraan**
- F8 Kedudukan negara kita yang **strategik**
- F9 Di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak **pangkalan tentera laut British**
- F10 Penting untuk buka **laluan penguasaan telaga minyak** di Sumatera

Soalan

1. Serangan Jepun di Tanah Melayu bermula serentak di Kota Bharu dan Thailand. Terangkan serangan Jepun sehingga penawanan Singapura. [4m] (P. Pinang)

Jawapan

- F1 Serangan Jepun di Tanah Melayu bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Pantai Kuala Pak Amat, Pantai Sabak (Kota Bharu) dan Singgora dan Patani (Thailand) pada 8 Disember 1941.
- F2 Tentera Jepun yang mendarat di Kota Bharu, kemudian mara ke selatan mengikut jalan darat di negeri-negeri pantai timur.
- F3 Kapal Repulse dan Prince of Wales digerakkan untuk menyekat kemaraan Jepun
- H3 tetapi ditenggelamkan oleh tentera Jepun di perairan Kuantan.
- F4 Tentera Jepun yang mendarat di Thailand memasuki Kedah, berpecah kepada dua pasukan untuk mara ke selatan.
- F5 Satu pasukan ke Pulau Pinang dan meneruskan kemaraan melalui

- pesisiran pantai barat.
- F6 Sepasukan lagi mengikuti jalan darat menuju bandar utama di negeri pantai barat
- F7 Keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun apabila Singapura berjaya ditawan pada 15 Februari 1942.

Soalan

1. Jelaskan dasar pentadbiran Jepun di 2 (a) [4m] (Negeri Sembilan)
2. Bagaimanakah tentera Jepun menjalankan dasar pentadbiran, ekonomi dan sosial di ketiga-tiga wilayah tersebut? [8m] (Terengganu)
3. Penyataan di atas merujuk kepada antara dasar-dasar yang dijalankan oleh pemerintahan Jepun di negara kita. Jelaskan. [8 m] (Perlis)

Jawapan

Dasar Pentadbiran

- F1 Tentera Jepun memperkenalkan Pemerintahan Tentera Tanah Melayu
- F2 Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran untuk membentuk Kawasan Pertahanan Khas
- F3 April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan kerana terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi
- F4 Singapura / *Syonan-to* diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu/ *Malai Baru*
- F5 Perlis / Kedah / Kelantan / Terengganu dipindahkan di bawah pentadbitan Thailand
- F6 Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan menjadi satu unit pentadbiran dikenali *Kita Boruneo*
- F7 Kedudukan Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama Islam dan adat
- F8 Kedudukan sultan di negeri masing-masing di bawah pengawasan Gabenor Jepun
- F9 Pemimpin tempatan yang berpendidikan dan berpengalaman diberi peluang kenaikan pangkat / jawatan tinggi
- F10 Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda / Koa Kunrenjo ditubuh
- F11 Bertujuan melatih dan menanam semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun

Dasar Ekonomi

- F12 Melaksanakan sistem ekonomi kawalan
- F13 Memperkenalkan Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan
- F14 Mengawal selia pelupusan barang dan membuat penyelidikan kegunaan baharu
- F15 Membangunkan industri tempatan dan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada
- F16 Mata wang Jepun / Wang Pokok Pisang dicetak

Dasar Sosial

- F17 Menutup sekolah Inggeris dan Cina
- F18 Bangunan sekolah digunakan untuk keperluan pentadbiran tentera Jepun.
- F19 Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan
- F20 Memupuk nasionalisme Asia, menghapuskan pengaruh Barat dan menanam kesetiaan kepada Jepun melalui pendidikan
- F21 Tentera Jepun menghormati agama Islam dan adat Melayu
- F22 Tidak campur tangan dalam adat resam tempatan
- F23 Kelas pengajian al-Quran dan sekolah agama diteruskan semula
- F24 Majlis Agama Negeri dibentuk
- F25 Persidangan agama Islam diadakan di Singapura dan Kuala Kangsar
- F26 Memperkenalkan Ordinan Kawalan Barang dan Bahan Penting
- F27 Mengawal bekalan barang akibat kekurangan makanan

	<p>F28 Catuan makanan dikuatkuasakan</p> <p>F29 Mengawal penjualan barang keperluan asas seperti beras, garam dan gula</p> <p>F30 Menggalakkan penduduk menanam bahan makanan sendiri</p> <p>F31 Menjalankan kempen “Tambah Lebih Banyak Makanan”</p> <p>F32 Memberi layanan berbeza-beza mengikut kaum</p> <p>F33 Layanan baik kepada orang Melayu serta peribumi lain yang bekerjasama dengan Jepun</p> <p>F34 Membantu orang India menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu dan Borneo Utara</p> <p>F35 Memberi layanan yang kejam kepada orang Cina, lanjutan permusuhan dalam Perang China-Jepun.</p> <p>F36 Orang Cina dipaksa membayar sejumlah wang sebagai hukuman penentangan mereka terhadap Jepun semasa Perang China-Jepun</p> <p>F37 Masyarakat berbilang kaum mengalami kesengsaraan dan pengalaman pahit akibat kekejaman tentera Jepun</p> <p>F38 Kaum Cina mengalami kesengsaraan lebih teruk berbanding kaum lain</p> <p>F39 Orang Melayu, Cina dan India dipaksa menjadi buruh membina landasan kereta api.</p> <p>F40 Landasan Kereta Api Maut</p> <p>F41 Ramai yang terkorban akibat kerja berat, kekurangan makanan dan ubat-ubatan/ pelbagai jenis penyakit serta suasana buruk di tempat kerja.</p>
Soalan	<p>1. Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah menimbulkan ketegangan antara kaum di negara kita. Jelaskan pernyataan tersebut. [8m] (Kelantan)</p>

Jawapan

- F1 Berpunca daripada layanan yang berbeza terhadap penduduk
- H1a Berdasarkan kepentingan tentera Jepun
- F2 Layanan baik kepada orang Melayu serta peribumi
- H2a Mendapatkan sokongan
- H2b Melicinkan pentadbiran
- F3 Membantu orang India
- H3a Menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu dan Borneo Utara
- H3b Untuk kemerdekaan negara India
- F4 Layanan kejam terhadap orang Cina
- H4a Lanjutan permusuhan daripada Perang China-Jepun
- H4b Dipaksa membayar sejumlah wang sebagai hukuman
- F5 Penguasaan Bintang Tiga
- H5a Selama lebih kurang 14 hari
- H5b Menganggap kekalahan Jepun sebagai lambang keunggulan/ kekuatan/ keberanian
- H5c Menguasai bandar/ balai polis/ pejabat pentadbiran kerajaan
- H5d Menjalankan undang-undang sendiri
- H5e Menggunakan mahkamah yang dikendalikan oleh komunis
- H5f Hukuman mati kepada sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun
- H5g Terutamanya orang Melayu
- H5h Menyeksa dan membunuh anggota polis/ askar/ pegawai daerah/ pasukan sukarelawan Melayu
- H5i Melampau dan mencabar kesabaran orang Melayu
- F6 Tindak balas orang Melayu
- H6a Orang Melayu bersatu
- H6b Ancaman terhadap institusi politik/ kekeluargaan/ agama Islam/ urusan keagaman
- H6c Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah
- H6d Mempertahankan maruah bangsa/ hak/ harta/ kelangsungan hidup
- F7 Kepimpinan ulama tempatan

- H7a Memberi inspirasi kepada masyarakat Melayu berhadapan kezaliman
 H7b Haji Salleh Abdul Karim/ Kiai Salleh mempelopori penentangan
 H7c Menubuhkan pasukan Tentera Selempong Merah
 H7d Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman/ Khalifah Parang Panjang
 H7e Mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga
 F8 Permusuhan antara bekas gerila peribumi dengan orang Cina di Kanowit

Soalan

1. Bagaimanakah pendudukan Jepun membawa perkembangan nasionalisme di negara kita? [4m] (Kedah)

Jawapan

- F1 Semangat daripada konsep Lingkungan Kesemakmur Asia Timur Raya/ Asia Untuk Asia
 F2 Menekankan kebebasan negara Asia
 F3 Kerjasama KMM dengan Jepun mengharapkan kemerdekaan
 F4 Memberi inspirasi orang Asia boleh mengalahkan orang Eropah
 F5 Menyedari tidak akan memberi kemerdekaan
 F6 Melalui Giyu Gan dan Giya Tai menentang Jepun
 F7 Menubuhkan KRIS untuk merdeka bersama Indonesia

Soalan

1. Namakan 2 pasukan Force 136 di Tanah Melayu. [2m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Force 136 Ulu Perak/ Askar Melayu Setia
 F2 Force 136 Pahang/ Wataniah Pahang
 F3 Force 136 Kedah/ Gerila Melayu Kedah

Soalan

1. Huraian peranan pasukan Force 136 dalam gerakan menentang pendudukan Jepun. [4m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun
 F2 Bekerjasama dengan pertubuhan gerila Melayu
 H2 Force 136 Ulu Perak-Askar Melayu Setia/ Force 136 Pahang-Wataniah Pahang/
 Force 136 Kedah-Gerila Melayu
 F3 Mengumpul maklumat
 F4 Melakukan sabotaj
 F5 Menyebarluaskan propaganda
 F6 Melancarkan operasi Zipper/ serangan besar-besaran
 H6 untuk menawan Tanah Melayu
 F7 Mengelolakan siaran radio dari India/ ‘Suara Harimau Malaya’
 F8 Menyeru orang Melayu menentang Jepun/ tali barutnya.

KBAT

Soalan

1. Pada pandangan anda apakah iktibar yang diperoleh daripada pendudukan tentera Jepun di negara kita? [4m] (N. Sembilan)
2. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah pengajaran yang diperoleh rakyat Malaysia daripada peristiwa kedatangan Jepun di negara kita? [4m] (P. Pinang)
3. Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun memberi iktibar kepada kita untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman luar. Beri pendapat anda.[4m] (Kedah)

Jawapan

- F1 Sentiasa berwaspada terhadap kuasa asing
 - F2 Sanggup berkorban untuk negara
 - F3 Berani mempertahankan kemerdekaan negara
 - F4 Perpaduan penting dalam mengekalkan kedaulatan negara
 - F5 Mempunyai pemimpin yang berwibawa
 - F6 Kerjasama yang erat antara pemimpin dan rakyat
 - F7 Bijak merancang strategi
 - F8 Melahirkan masyarakat yang kreatif/ inovatif
 - F9 Tidak mudah mempercayai janji-janji kuasa luar untuk mempertahankan negara
 - F10 Rakyat perlu berganding bahu mempertahankan negara
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

1. Rakyat Malaysia harus mengekalkan keharmonian demi kesejahteraan negara. Berikan penjelasan anda. [8m] (Kelantan)

Jawapan

- F1 Mencintai negara dengan sepenuh hati
 - F2 Mengutamakan perpaduan dalam kangan masyarakat
 - F3 Perpaduan menjadi agenda utama dalam kehidupan
 - F4 Menghormati sentitiviti kaum
 - F5 Isu agama/ hak istimewa semua kaum
 - F6 Menyokong kempen berkaitan perpaduan
 - F7 Berpegang kepada Rukun Negara
 - F8 Rakyat hidup harmoni dan negara aman dan makmur
 - F9 Kesopanan dan Kesusilaan yang menjadi asas perpaduan
 - F10 Mengetahui sejarah berkaitan perpaduan negara
 - F11 Kesan buruk yang telah berlaku Peristiwa 13 Mei 1969
 - F12 Kecintaan mendalam kepada negara
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

1. Gambar 2 merupakan propaganda yang telah digunakan Jepun untuk menguasai negara kita.



Pada pandangan anda, mengapa Jepun menggunakan pelbagai propaganda untuk menguasai negara kita? [6m] (Terengganu)

Jawapan

- F1 Menanam semangat antipenjajah Barat kepada penduduk tempatan
 - H1a Hal ini memudahkan mereka mendapat sokongan daripada penduduk tempatan
 - H1b Secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran masyarakat
 - C1 Contohnya Kesatuan Melayu Muda bekerjasama dengan Jepun
 - F2 Mengharapkan Jepun memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu
 - H2a Sebaliknya Jepun berjaya memenuhi hasrat mereka menduduki Tanah Melayu
 - H2b Keseluruhan Tanah Melayu diduduki Jepun dengan cepat dan mudah
 - I Kesimpulannya, slogan yang digunakan sebagai taktik penjajah untuk menguasai sesebuah negara
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

1. Berikan pendapat anda, bagaimanakah negara kita boleh mengelakkan diri daripada terlibat dalam konflik dunia? [8m] (Johor)

Jawapan

- F1 Mengamalkan dasar berkecuali
F2 Tidak bersengkongkol dengan kuasa besar
F3 Tidak terlibat dengan negara yang berkonflik
F4 Berpegang kuat prinsip ZOPFAN, Zon Aman Bebas dan Berkecuali
F5 Bebas dari mana mana campurtangan kuasa besar
F6 Menekankan prinsip keamanan sejagat agar dunia kekal sejahtera dan damai
F7 Mengukuhkan hubungan diplomatik dengan semua negara
F8 Tanpa mengira ideologi
F9 Menghormati kedaulatan negara lain
F10 Berpegang prinsip Piagam Atlantik
F11 Sentiasa menekankan rundingan serta membantu negara lain demi keharmonian sejagat.

Mana-mana jawapan munasabah**Soalan**

1. Pendudukan Jepun meninggalkan banyak kesan terhadap masyarakat dan Tanah Melayu. Jelaskan dengan menggunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8 m] (Perlis)

Jawapan

- Pengeluaran getah dan bijih timah telah terjejas
- Hal ini menyebabkan perdagangan import eksport dengan dunia luar menjadi lumpuh
- Contohnya ladang getah dan lombong bijih timah musnah disebabkan oleh British yang memusnahkan sebelum meninggalkan Tanah Melayu
- Penganguran semakin ketara kerana tiada peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi
- Inferensnya ekonomi runtuh dan kehidupan masyarakat sangat sengsara
- Seterusnya rakyat hidup dalam ketakutan dengan kekejaman Jepun
- Hukuman denda dan pancung jika didapati menentang Jepun
- Layanan berbeza orang Jepun terhadap orang Melayu dan Cina
- Menyebabkan berlaku permusuhan antara orang Melayu dengan Orang Cina
- Contohnya orang Cina ditindas dengan membayar sejumlah wang sebagai ganti rugi semasa berlaku perperangan China-Jepun
- Inferensi perpaduan kaum sukar dipupuk

Soalan

1. Bagaimanakah pemimpin negara dunia boleh memastikan peristiwa perang dunia tidak berulang? [8m] (Sarawak)

Jawapan

- F1 Pemimpin negara dunia mematuhi piagam PBB.
H1a Pernimpin menghormati kedaulatan negara lain.
H1b Pemimpin tidak campur tangan dalam urusan politik negara lain.
C1a Pemimpin tidak menceroboh sempadan negara lain.
I Sekiranya keamanan sejagat diutamakan maka dunia akan aman
- F2 Pemimpin menyelesaikan isu antara negara melalui hubungan diplomatik / rundingan.
H2a Pemimpin menggunakan badan antarabangsa sebagai media perantara.
H2b Pemimpin mencari penyelesaian konflik antara negara melalui media rundingan.

	<p>C2 Tuntutan bertindih kepulauan / Krisis sempadan antara dua negara.</p> <p>H2c Pemimpin memberikan kuasa kepada mahkamah keadilan antarabangsa untuk menyelesaikan isi-isu antarabangsa.</p> <p>I Menghormati dan mematuhi keputusan badan antarabangsa demi mengelakkan berulangnya perang dunia yang akan menghancurkan negara.</p> <p>Mana-mana jawapan munasabah</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Mengapakah rakyat tempatan bangkit menentang pendudukan Jepun di negara kita? [4m] (Selangor) <p>Jawapan</p> <p>F1 Kekejaman/ kesengsaraan di bawah pentadbiran tentera Jepun</p> <p>F2 Diseksa oleh Kempeitai tanpa usul periksa</p> <p>F3 Buruh paksa untuk membina jalan kereta api maut antara Burma/ Thailand</p> <p>F4 Ramai terkorban akibat kerja berat/ kekurangan makanan/ ubat-ubatan/ pelbagai penyakit/ suasana buruk di tempat kerja</p> <p>F5 Catuan makanan dikuatkuasakan</p> <p>F6 Mengawal penjualan barang keperluan asas/ beras/ garam/ gula</p> <p>F7 Terpaksa menghasilkan ciptaan baru berdasarkan bahan tempatan untuk kelangsungan hidup/ menghasilkan tempe daripada biji getah. (Mana-mana jawapan munasabah)</p>
Tajuk 10 : Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air	<p>Bab 4 : Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Mengapakah British memperkenalkan pentadbiran Malayan Union [2m] (Johor) <p>Jawapan</p> <p>F1 Menggantikan Pentadbiran Tentera British (BMA)</p> <p>F2 Melicinkan sistem pentadbiran</p> <p>F3 Meningkatkan pelaburan ekonomi</p> <p>F4 Mengukuhkan pertahanan</p> <p>F5 Mengkekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Jelaskan latar belakang penubuhan Malayan Union. [4m] (Kedah) <p>Jawapan</p> <p>F1 Unit Perancang Ekonomi yang diketuai oleh Mejar</p> <p>F2 Jeneral Ralph Hone diberi tugas merangka satu bentuk pentadbiran baharu di Tanah Melayu</p> <p>F3 Dikenali sebagai Malayan Union</p> <p>F4 Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall membentangkan rancangan ini di Parlimen British pada 10 Oktober 1945</p> <p>F5 Diisyiharkan dalam Warta Kerajaan</p> <p>F6 Dikenali sebagai Kertas Putih 6274</p> <p>F7 British akan mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu</p> <p>F8 Menubuhkan sebuah pentadbiran berpusat di bawah jajahan British</p>

Soalan

1. Nyatakan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union. [8m] (SBP/ P. Pinang)
2. Jelaskan ciri Perlembagaan Malayan Union dari aspek: (Johor)
 - (i) Kewarganegaraan [2m]
 - (ii) Ketua Pentadbir. [2m]

Jawapan**Kesatuan**

- F1 Kesatuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat
F2 disatukan menjadi satu unit pentadbiran.
F3 kecuali Singapura

Raja-raja Melayu

- F4 Raja-raja/Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja
F5 Hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu
Ketua pentadbir
F6 Ketua pentadbir Malayan Union diketuai oleh Gabenor British
F7 dilantik oleh Raja England.
F8 Pembentukan Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union.
F9 di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British

Kewarganegaraan

- F10 Kewarganegaraan prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union
F11 Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union
F12 Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan diberikan kewarganegaraan.
F13 Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara turut diberikan kewarganegaraan

Soalan

1. Mengapakah mereka menentang pelaksanaan Malayan Union? [8m] (Perak)

Jawapan

- F1 Satu bentuk penjajahan secara mutlak
F2 Membantah tindakan Sir Harold MacMichael mengugut Raja Melayu
F3 Raja Melayu tidak diberi masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Nesyuarat Negeri
F4 Kuasa raja-raja Melayu terhakis
F5 Raja Melayu hilang kausa memerintah
F6 Raja MELayu hanya urus soal agama / adat istiadat Melayu
F7 Orang MELayu hilang hak keistimewaan sebagai penduduk asal
F8 Orang Melayu akan ketinggalan dalam pendidikan/ ekonomi/ politik
F9 Kewarganegaraan berdasarkan jus soli nengancam status quo
F10 Kedaulatan institusi Raja-raja Melayu terancam
F11 Raja-raja MELayu terpaksa bermesyuarat dengan pegawai British
F12 Tanah Melayu sukar capai kemerdekaan
F13 Tamadun yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka terhapus
F14 Mengancam kedudukan agama Islam
F15 Zakat dikutip oleh Gabenor

Soalan

1. Senaraikan cara-cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union. [3m] (Perak)
2. Jelaskan reaksi penduduk tempatan terhadap pembentukan Malayan Union.[6 m] (SBP)
3. Gambar memaparkan penentangan rakyat tempatan terhadap Malayan Union.



Bagaimanakah mereka menzahirkan penentangan tersebut? [6m](Perak)

Jawapan**F1 Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England**

- H1a Persidangan Raja-raja Melayu di Istana Iskandariah Kuala Kangsar
H1b Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor akan berangkat ke England sekiranya kehadiran mereka diperlukan di mahkamah tersebut.

F2 Menghantar surat bantahan ke London

- H2a Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall
H2b Tuanku Syed Putra Jamalullail mengirim telegram kepada kerajaan British di London.

F3 Menyokong Kongres Melayu

- H3 Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah menderma sebanyak \$15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor.

F4 Permaisuri Perak memimpin Gerakan menentang Malayan Union

- H4 Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom mengetuai barisan hadapan perarakan.

F5 Memulau upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

- H5 Dato' Onn Jaafar mempersembahkan resolusi Kongres Melayu, memohon Raja-raja Melayu supaya bersama-sama dengan rakyat memboikot upacara pelantikan Gabenor Malayan Union.

F6 Menggunakan akhbar

- H6a menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar besar.
H6b sentiasa melaporkan perkembangan berita penentangan orang Melayu.
C6 Utusan Melayu, Majlis, Warta Negara

F7 Peranan tokoh pentadbir Melayu

- H7a menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union dengan pelbagai strategi.
H7b membantah usaha British untuk terus menjajah Tanah Melayu
C7 Dato Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil, Za'ba, Tengku Mohamed, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz

F8 Bantahan wanita

- H8a merupakan benteng barisan hadapan menentang Malayan Union.
H8b berucap membantah pelaksanaan Malayan Union
C8 Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abd Majid, Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin, Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid

F9 Bantahan persatuan Melayu

- H9a mengadakan perhimpunan orang Melayu dari seluruh dunia
H9b persatuan ditubuhkan dan diaktifkan semula
H9c menjadi penggerak menganjurkan rapat umum
C9 Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor berjaya menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara dan setiap lapisan masyarakat untuk membantah Malayan Union.

F10 Mengadakan kongres

- H10a oleh pemimpin dan cendekiawan Melayu pada peringkat negeri

H10b diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.
H10c mereka mewakili pelbagai lapisan masyarakat.

F11 Penubuhkan United Malays National Organisation (UMNO)
H11a untuk menentang Malayan Union

H11b mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran.

F12 Mengadakan perhimpunan

H12a oleh pemimpin persatuan Melayu

H12b memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung

C12 Kelantan, Kedah dan Johor
(Mana-mana jawapan berkaitan)

Soalan

1. Mengapakah British menjadikan Sarawak tanah jajahannya? [3m] (Perak)

Jawapan

F1 Melindungi kepentingan hal ehwalnya.

H1a Pada tahun 1944 British mendesak Vyner Brooke supaya menyerahkan Sarawak.

H1b Desakan British menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British atas pertimbangan berikut – Sarawak mengalami kemusnahan dan kerosakan selepas Perang Dunia Kedua.

F2 British berpendapat hanya mereka yang mampu memajukan semula ekonomi Sarawak.

F3 British ingin menjaga kepentingan ekonominya di Sarawak.

F4 Ingin menjamin pelaburan dan modal British dalam perusahaan getah, lada hitam, sagu dan kelapa.

F5 Sarawak kaya dengan hasil bumi seperti pembalakan dan hasil petroleum.

F6 Sarawak mempunyai potensi sebagai pembekal bahan mentah dan tempat pemasaran barang keluaran Britain

Soalan

1. Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British. [6m] (Selangor)

Jawapan

F1 Masalah pewarisan takhta

H1a tidak mempunyai anak lelaki

H1b sudah tua dan uzur

F2 Enggan melantik anak saudaranya

H2 Anthony Brooke untuk menggantikannya

F3 Desakan daripada kerajaan British

H3a mendesak Vyner Brooke memberi kuasa yang lebih luas kepada British

H3b menjadikan Sarawak tanah jajahan British

H3c membolehkan British menguasai ekonomi

H3d menjaga kepentingan pelaburan mereka

F4 Masalah kewangan

H4a Vyner Brooke tidak mampu membangunkan semula negeri Sarawak .

F4b ekonomi Sarawak terjejas,

H4c banyak lombong minyak musnah dan ladang getah terbiar

H4d kemudahan pendidikan/kesihatan/jalan raya /lapangan terbang juga tidak mampu di baiki

Soalan

1. Jelaskan sebab penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British.[3m] (Melaka)
2. Mengapakah penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British? [6m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941
F2 Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak
F3 Menurut perlembagaan ini, penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri
F4 Tindakan ini menyerahkan Sarawak kepada British telah melanggar Prinsip Kelapan ini
F5 Beliau menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri seperti yang temaktub dalam perlembagaan ini
F6 Vyner Brooke mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke
F7 Vyner Brooke telah membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda/ Anthony Brooke dan Tuan Muda Betram Brooke
F8 Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat
F9 Seperti tekanan/desaka/,pujukan/ sogokan
F10 Mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan

Soalan

1. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah masyarakat Sarawak mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa? [3m] (Melaka)

Jawapan

- F1 Mengadakan persidangan
F2 Mengadakan demonstrasi
F3 Meletakkan jawatan beramai-ramai
F4 Bantahan golongan wanita
F5 Menggunakan akhbar
F6 Menulis Surat Bantahan
F7 Menubuhkan Kumpulan Rukun 13

Mana-mana jawapan munasabah**Soalan**

1. Senaraikan tokoh tempatan di Sarawak yang terlibat dengan gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British. [2m] (Perlis)

Jawapan

- F1 Johari Anang
F2 Sharkawi Osman
F3 Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
F4 Cikgu Lily Eberwein
F5 Hajah Sipah Tuanku Othman
F6 Dayang Fauziah
F7 Cikgu Adibah Aboi
F8 Awang Ram bli
F9 Morshidi Sidek
F10 Bujang Suntong
F11 Rosli Dhoby

Soalan

Bentuk penentangan penduduk Sarawak terhadap terhadap Sarawak kepada British
--

- Mengadakan demonstrasi
- Meletakkan jawatan beramai-ramai

1. Berdasarkan maklumat di atas jelaskan bentuk penentangan tersebut.[4m] (Perlis)

	<p>Jawapan</p> <p>F1 Mengadakan Demonstrasi</p> <p>H1a Demonstrasi dilakukan ketika kedatangan H1b Gabenor pertama Sarawak dari British Charles Arden Clarke di Astana H1c Diketuai oleh datu Patinggi Abang Haji Abdillah H1d Disertai 16 persatuan Melayu H1e PKMS mendesak British berundur H1f Mengangkat poster H1g dengan kata-kata seperti "Sarawak adalah hak kami" "leburkan colonial" / "No Cession" Hgh Poster antipenyerahan ditampal di pokok, perahu dan jeti Hgi Demonstrasdi di Sibu Diterajui oleh PPM</p> <p>F2 Meletakkan Jawatan Beramai-ramai</p> <p>H2a Pemimpin terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru H2b British melarang pengawai awam menyertai gerakan menentang penyerahan melalui Pekeliling No.9 H2c Seramai 409 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan H2d Termasuklah guru/petugas di Pos dan telegraf/ Jabatan Marin/Kastam/Perubatan dan Kesihatan/ Percetakan/Jabatan Tanah dan Ukur/ Jabatan Kerja Raya/ Bomba/ Perbendaharaan H2e 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak menamatkan pengajian mereka H2f Sebagai bantahan terhadap pekeliling No.9</p>
	<p>KBAT</p>
	<p>Soalan</p> <p>1 Apakah iktibar yang anda peroleh daripada peristiwa penentangan rakyat di Sarawak. [4m] (Melaka)</p> <p>2 Sebagai generasi muda pada hari ini, apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa gerakan anti-penyerahan di Sarawak? [4m] (Perlis)</p>
	<p>Jawapan</p> <p>F1 Pemimpin perlu berani menentang penjajah F2 Perjuangan yang berkesan dapat dilaksanakan F3 Rakyat perlu menghargai kestabilan dan kemakmuran negara F4 Kehidupan yang selesa dapat dinikmati F5 Rakyat perlu mengukuhkan perpaduan F6 Ancaman luar dapat dielakkan F7 Pemimpin bersedia mempertahankan negara F8 Perancangan strategik dirangka</p> <p>Mana-mana jawapan munasabah</p>
	<p>Soalan</p> <p>1. Pada pandangan anda, mengapakah Raja-Raja Melayu dan penduduk tempatan wajar menentang pelaksanaan Malayan Union? [4m] (Johor)</p>
	<p>Jawapan</p> <p>F1 Menggugat kedaulatan Tanah Melayu F2 Merupakan satu bentuk penjajahan mutlak British ke atas Tanah Melayu F3 Sultan kehilangan kedaulatan dan kuasa politik F4 Sultan hanya menjadi ahli Majlis Raja-raja F5 Sultan hanya berkuasa dalam hal ehwal agama Islam / adat istiadat Melayu F6 Harold MacMichael mendapatkan persetujuan secara tidak sah daripada Raja-raja Melayu F7 Sultan Kedah, Perak dan Johor telah diperdaya oleh MacMichael</p>

- F8 Tuanku Syed Putra Jamalullail tidak diberikan peluang untuk mendapat nasihat daripada pembesar negeri
 F9 Pengenalan kewarganegaraan secara jus soli
 F10 Kewarganegaraan terbuka kepada seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura
 F11 Malayan Union menguntungkan orang bukan Melayu
 F12 Mencabul kedaulatan bangsa
 F13 Mempertahankan maruah bangsa Melayu
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

- Andaikan anda pemimpin semasa pelaksanaan Malayan Union. Berikan syor untuk membuat penambahbaikan terhadap Malayan Union supaya diterima oleh rakyat. [8m] (Kedah)

Jawapan

- F1 Malayan Union harus berasaskan tradisi kesultanan/kerajaan Melayu
 F2 mengekalkan kuasa Raja-raja Melayu sebagai ketua negara.
 F3 Raja mempunyai kuasa tertinggi - Ditentukan oleh perlembagaan.
 F4 Malayan Union melibatkan seluruh Tanah Melayu
 F5 mengekalkan kedudukan istimewa penduduk asal
 F7 unsur tradisi dimasukkan dalam perlembagaan.
 F8 syarat kewarganegaraan yang ketat.
 F9 berkebolehan berbahasa Melayu
 F10 memahami adat-istiadat Melayu
 F11 setia terhadap raja dan negara.
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

- Kejayaan pemimpin tempatan menentang MUalayan Union dan menangani ancaman komunis menjadi inspirasi kepada kita rakyat Malaysia.
 Jika anda adalah pemimpin masa depan, bagaimanakah anda memainkan peranan menggerakkan masyarakat supaya menghargai sumbangan tokoh dan pegawai keselamatan yang menjaga keamanan dan keharmonian negara dari dahulu hingga kini.Bincangkan. [8m] (Penang)

Jawapan

- F1 Beri pengiktirafan negara.
 F2 Melalui pemberian darjah kebesaran dan diabadikan nama di tempat awam
 F3 seperti nama jalan , nama bangunan.
 F4 Nama-nama tokoh dan pegawai keselamatan yang berjasa akan kekal diingatkan dan menjadi sebutan.
 F5 Contoh Jalan Tunku Abdul Rahman , Universiti Tun Abdul Razak
 F6 Penghargaan yang diberi akan melahirkan rasa bersyukur kerana negara kita mempunya ramai tokoh yang berjasa.
 F7 Negara juga akan dikenali ramai.
 F8 Menjaga kebajikan tokoh dan pegawai keselamatan serta ahli keluarga
 F9 Program ziarah dan pemberian bantuan kesihatan dan pendidikan boleh dilaksanakan bagi menggembirakan hati keluarga tokoh.
 F10 Biodata tokoh perlu disimpan dengan adakan temubual dan disiarkan di media untuk rujukan dan tontonan generasi depan.
 F11 Melalui Majalah Tiga , Program Negaraku ASTRO
 F12 Kisah benar dan fakta tepat berkaitan tokoh dapat dikongsikan untuk diambil teladan oleh generasi muda dan meniupkan patriotism supaya rela berkorban demi bangsa , agama dan Negara.
 F13 Menganjurkan majlis pengisahan tokoh

- F14 Memperingati dan bacaan doa dan yassin seluruh negara untuk memperingati mereka yang telah meninggal dunia
- F15 Mendidik generasi muda untuk mengetahui sejarah negara dan mengenali tokoh-tokoh yang berjuang untuk keamanan, kedaulatan dan kemerdekaan negara kita.
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

1. Kemunculan penentangan di Sarawak ialah pembunuhan Sir Duncan Stewart iaitu Gabenor Sarawak yang kedua oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13.
Pada pendapat anda wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Rosli Dhoby dan anggota Rukun 13 tersebut? [8m] (Selangor)

Jawapan

Wajar

- Penyerahan Sarawak bertentang dengan Perlembagaan 1941
- British menafikan hak rakyat untuk memerintah sendiri
- Melambatkan usaha ke arah kemerdekaan
- Rakyat akan terus hidup menderita dan ditindas
- Kedaulatan tercabar, hasil bumi dikuasai
- Kegagalan perjuangan secara diplomasi
- Melalui akhbar, demomtrasi dan surat bantahan
- Rakyat yang menentang terus ditindas
- Contoh Pekeliling no 9/1946
- Kesannya ramai kakitangan kerajaan meletak jawatan

Tidak wajar

- bertentangan dengan norma kehidupan
 - Menyelesaikan masalah dengan kekerasan
 - Mengambil hak orang lain untuk hidup
 - Membawa kesan yang buruk kepada diri dan orang sekeliling
 - Beliau dan rakan ditangkap dan dijatuhi hukuman mati
 - Perjuangannya terhenti, rakyat menjadi takut
 - Memberi kesempatan kepada British untuk menindas gerakan anti penyerahan
 - Pejabat PPM,PKMS, BPS dan angkatan Semangat Anak Sarawak ditutup
 - Berakhirnya penentangan di Sarawak
- Mana-mana jawapan munasabah**

Soalan

1. Pada pendapat anda, bagaimana kita boleh mengelakkan penglibatan kuasa luar di negara kita? [4m] (Perak)

- F1 Mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara
- F2 Mengadakan hubungan dengan negara serantau
- F3 Tingkatkan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan
- F4 Tidak memberikan sebarang peluang kepada pihak luar untuk terlibat dalam pentadbiran negara kita
- F5 Melahirkan masyarakat yang bersatu padu
- F6 Memperkemaskan sistem pertahanan negara
- F6 Tidak membenarkan kemasukkan orang luar atau pengintip
- F7 Penguatkuasaan undang undang negara
- F8 Menganggotai pertubuhan / persatuan antarabangsa
- Mana-mana jawapan munasabah**

**Tajuk 10 :
Perjuangan
Rakyat Ke
Arah
Kemerdekaan
Tanah Air**

Bab 5 : Persekutuan Tanah Melayu 1948

Soalan

1. Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union menyebabkan sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk bagi merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang membawa kepada pembentukan PTM 1948. Nyatakan cadangan Jawatankuasa Kerja tersebut bagi penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [2m] (SBP)
2. Apakah cadangan jawatankuasa tersebut yang dijadikan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? [4 m] (Melaka)

Jawapan

- F1 Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat
- F2 Memulihkan kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu
- F3 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- F4 Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri
- F5 Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat.

Soalan

1. Maklumat berikut berkaitan penubuhan PTM 1948.

Malaysia pada hari ini bukan sebuah Persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal ia adalah pemersekutuan 9 Kerajaan Melayu berdaulat dan 2 Negeri Selat pada 21 Januari 1948 yang diikat melalui perjanjian Persekutuan.

Terangkan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 [4m] (N. Sembilan/ SBP)

2. Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 adalah lambang kejayaan perjuangan orang-orang Melayu mempertahankan maruah bangsa dan negara.
Mengapa Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk? [6m] (Selangor)
3. Persekutuan Tanah Melayu (PTM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 setelah Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian PTM 1948.
Nyatakan cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO dalam proses pembentukan PTM 1948. [3m] (Johor)
4. Gambar 1 menunjukkan Raja-raja Melayu di hadapan King's House, Kuala Lumpur, selepas menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Nyatakan dua cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [2m] (Terengganu)

Jawapan :

- F1 **Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union**
F2 Orang Melayu, Raja-raja Melayu ,cendekiawan Melayu dan Umno membantah pelaksanaan Malayan Union (MU)
F3 MU memberi kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu
F4 Ahli Parlimen British, Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap MU
F5 Mereka melaporkan hasil tinjauan kepada Dewan Parlimen British
F6 Gammans menyatakan keadaan huru hara jika MU dilaksanakan
F7 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British
F8 **Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO**
F9 Malcolm MacDonald,Gabenor General,Sir Edward Gent (Gabenor MU) mengadakan pertemuan dengan Raja-raja Melayu
F10 Dalam pertemuan Raja-raja Melayu mencadangkan penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan
F11 Perjanjian baharu untuk menggantikan MU
F12 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor
F13 Raja berkuasa dalam perundangan
F14 Perkataan Negeri-negeri Melayu perlu muncul dalam persekutuan yang baharu
F15 Sultan Perak menjadi jurucakap Raja-raja Melayu mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan sebelum membincangkan perkara lain
F16 Gammans dan Rees William menyampaikan surat bantahan
Sokongan pentadbir British
F18 Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan,kestabilan dan kemajuan ekonomi
F19 Terdapat pegawai tinggi British yang mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu
F20 seperti Sir Edward Gent,Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newboult,Roland Braddell, W.Linehan dan Theodore Adams
F21 Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berdasarkan perlombagaan
F22 Memberikan kuasa tertentu kepada sultan dalam Majlis Negeri dan Majlis Perundangan
F23 Sir Edward Gent bertemu wakil Umno,memberi peluang
F24 Dato' Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas
F22 Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil
F23 Mendorong pelabur luar untuk melabur di negara ini
F24 British perlu melaksanakan dasar dekolonisasikan yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Piagam Atlantik

Soalan

1. Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pd 25 Jul 1946 bagi merangka Perjanjian PTM 1948.
Jelaskan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 [8 m]
(Melaka/ Johor/ Perak/ Selangor)
2. Jelaskan isi kandungan perjanjian PTM tersebut.[8m] (Negeri Sembilan)

Jawapan

- F1 Persekutuan dibentuk melalui gabungan sembilan buah negeri Melayu/ dua buah Negeri-negeri Selat
F2 Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan
F3 Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif
F4 Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama
F5 Majlis Mesyuarat Persekutuan/ Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British

- F6 Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi/ ahli tidak rasmi
 F7 Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi
 F8 Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum
 F9 Sebuah Majlis Raja-raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu
 F10 Bagi peringkat negeri, sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri
 F11 Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi
 H11 Bidang kuasa mencakupi hal ehwal luar/ ketenteraman awam/ kehakiman/ perdagangan/ komunikasi/ percukaian
 F12 Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-raja
 F13 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang
 H13a Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja/ rakyat British
 H13b Pemohon yang lahir di luar negeri, ayahnya mestilah rakyat Raja/ rakyat British
 H13c Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum/ semasa/ selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
 H13d Rakyat Raja/ mereka yang telah serasi/ memahami adat resam/ bertutur bahasa setempat boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan
 F14 Kewarganegaraan secara pendaftaran
 H14a Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu/ bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya
 H14b Mempunyai tingkah laku yang baik/ tiada rekod jenayah/ menguasai bahasa Melayu/ bahasa Inggeris/ bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu

Soalan

1. Jelaskan kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia yang bersatu-padu.[4m] (Terengganu)

Jawapan

- F1 Mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu
 F2 Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian PTM 1948
 F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan
 F4 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu / kepentingan sah kaum lain
 F5 Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara
 F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
 F7 Mewujudkan kerjasama antara kaum
 F8 Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum / CLC
 F9 Cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan / diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan
 F10 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
 F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
 F12 Membawa kepada kemerdekaan / negara berdaulat
 F13 British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu seperti sebelum Perang Dunia Kedua.

KBAT

Soalan

1. Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mewujudkan kerjasama kaum dan membentuk identiti negara. Beri penjelasan anda. [8m] (N. Sembilan)

Jawapan

- Mewujudkan perpaduan kaum
- Memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
- Berlaku pembahagian kuasa dalam pemerintahan negara
- Membuka ruang kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu
- Orang Melayu / peribumi diiktiraf sebagai penduduk asal / diberi hak istimewa
- seperti biasiswa / bantuan ekonomi / pemilikan tanah
- Kepentingan kaum lain tidak diabaikan
- Mengelakkan institusi pemerintahan beraja/ raja sebagai ketua negara
- Mewujudkan Majlis Raja-Raja yang dianggotai sembilan orang raja
- Membentuk sebuah negara yang berdaulat

Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

1. Mengapakah orang Melayu menerima Perjanjian PTM 1948? [4m] (SBP)
2. Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh diterima penduduk Tanah Melayu? [4m] (Terengganu)

Jawapan

- F1 Telah mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu
- F2 Mewujudkan Majlis Raja-raja yang dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu
- F3 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan
- F4 Sultan berkuasa di peringkat negeri
- F5 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- F6 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
- F7 Kepentingan sah kaum lain juga dijaga
- F8 Syarat kewarganegaraan juga telah diperketatkan
- F9 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang / kewarganegaraan secara pendaftaran
- F10 Memupuk perpaduan / persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
- F11 Merintis pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- F12 Membawa kepada kemerdekaan / negara berdaulat

Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.

1. Bincangkan manfaat yang diperoleh daripada kejayaan pembentukan Persekutuan tersebut [8m] (Melaka)

Jawapan

- F1 **Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu**
- F2 Majlis Raja-raja ditubuhkan
- F3 Raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan
- F4 **Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan kaum lain dijaga**

- F5 Membuka jalan kepada penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)
F6 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
F7 Membuka Ruang Kewarganegaraan
F8 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal
F9 Orang bukan Melayu boleh menjadi warganegara mengikut syarat tertentu
F10 Bebas dari penjajahan kuasa asing
F11 Mengelakkan kedaulatan negara
F12 Berpeluang mentadbir negara mengikut acuan sendiri
F13 Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
F14 Penubuhan PTM 1948 / Persekutuan Malaysia 1963
F15 Mengekalkan Raja sebagai pemerintah tertinggi
F16 Termaktub dalam perlembagaan negara
F17 Lambang kedaulatan negara
F18 Melahirkan perasaan sayang dan bangga terhadap negara
F19 Tidak memburukan nama baik negara
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

Berdasarkan pengkajian anda, mengapakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia hari ini. [4m] (Perak)

Jawapan

- F1 Kejayaan menggantikan Malayan Union
F2 Mendapatkan perhatian/ simpati British
F3 Menyedarkan British tentang penolakan Malayan Union
F4 Raja-raja Melayu diberi semula kedaulatan
F5 Tanah Melayu mendapat taraf naungan
F6 Syarat kerakyatan telah diperketatkan
F7 Kekalkan kedaulatan sultan
F8 Mengembalikan kuasa Sultan dalam perundangan
F9 Raja juga drujuk terhadap perkara yang berkaitan kuasa pemerintahan
F10 Mempertahan kedudukan keistimewaan penduduk asal
F11 Asas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
Mana-mana jawapan munasabah

Soalan

1. Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Jelaskan. [8m] (Selangor 2)

Jawapan

- F1 Mengembalikan semula kedudukan Raja-raja Melayu
F2 Majlis Raja-raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian Persekutuan
F3 Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu daripada sembilan orang raja
F4 Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa Raja-raja Melayu perlu dirujuk terhadap kuasa Kerajaan Persekutuan
F5 Pada peringkat negeri, sultan menjadi ketua negeri
F6 Sultan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri
F7 Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan Negeri
F8 Terbentuk Senarai Persekutuan/ Senarai Negeri
F9 Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara
F10 Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa
F11 Mewujudkan kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
F12 Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum
Mana-mana jawapan munasabah

	<p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Perpaduan kaum telah berjaya dipupuk hasil daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Buktikan [4m] (Kluang, Johor) <p>Jawapan</p> <p>F1 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu/kepentingan sah kaum lain F2 Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara. F3 Wujud kerjasama kaum melalui Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) F4 CLC berjaya memupuk kesefahaman antara pemimpin pelbagai kaum. F5 Perpaduan kaum yang wujud merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 F6 Kemerdekaan Tanah Melayu.</p> <p>Mana-mana jawapan munasabah</p>
Tajuk 10 : Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air	<p>Bab 6 : Ancaman Komunis dan Pengisytiharan Darurat</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Persidangan komunis di India pada Mac 1948 yang disertai Parti Komunis Malaya telah mengambil keputusan memperhebatkan perjuangan menentang kuasa imperialis di setiap negara Asia. Berikutan itu Parti Komunis Malaya telah melancarkan perjuangan bersenjata bagi menuju Republik Komunis di Tanah Melayu. <div style="text-align: center;">  </div> <p>Mengapakah komunis bertindak demikian? [3m] (Perak)</p> <p>Jawapan</p> <p>F1 Mensabotaj ekonomi Tanah Melayu F2 Menghilangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan F3 Menakut- nakutkan rakyat F4 Menunjukkan kekuatan mereka F5 Mengganggu kerja –kerja harian rakyat / Merosakkan infrastruktur / Mewujudkan keadaan huru hara F6 Menggugat keselamatan rakyat F7 Kesengsaraan dan penderitaan rakyat F8 Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan membendung keselamatan rakyat F9 Menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu</p> <p>Soalan</p> <ol style="list-style-type: none"> Komunis melakukan pelbagai tindakan untuk menggugat keamanan dan kestabilan politik negara kita sejak tahun 1948 dengan mencetuskan huru-hara di seluruh negara. Bagaimanakah komunis bertindak untuk mencetuskan huru-hara tersebut? [6m](Johor) <p>Jawapan</p> <p>F1 Melumpuhkan ekonomi</p> <p>H1a Menyerang lombong bijih timah dan ladang getah H1b Menyerang 80 lombong bijih timah di Perak, Selangor, Negeri Sembilan. H1c Merosakkan pokok getah /kilang estet/rumah asap /rumah kongsi /kedai / sekolah H1d Membunuhi pekerja lombong /ladang getah H1e Mengganggu kerja harian di lombong /ladang</p>

	<p>F2 Merosakkan infrastruktur</p> <p>H2a Sabotaj terhadap kemudahan asas</p> <p>H2b Sistem pengangkutan dan perhubungan</p> <p>H2c Mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan keretapi</p> <p>H2d Kenderaan yang melalui jalan raya ditembak dan dibakar</p> <p>H2e Sabotaj kemudahan telefon/ telegram/ merosakkan paip air/</p> <p>H2f Menyerang pekerja awam yang ditugaskan membaiki jalan raya</p> <p>F3 Mengancam keselamatan rakyat</p> <p>H3a Mengugut/mensabotaj/menyerang/melakukan kekejaman/ Menganiaya/menculik/merampas/membakar harta benda/ membunuh</p> <p>H3b Mencampak bom tangan di Sheum Circus, Kampar Perak 46 cedera/ 4 orang mati</p> <p>F4 Mengancam pasukan keselamatan</p> <p>H4a Menyerang balai polis</p>
Soalan	<p>1. Maklumat berikut berkaitan dgn usaha menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Menjelang akhir bulan Januari 1952 lebih 400,000 orang setinggan China telah pun dipindahkan dan lebih kurang 400 buah Kampung Baru diwujudkan.</p> </div> <p>Terangkan usaha Rancangan Briggs dlm menangani ancaman komunis. [6m] (Johor)</p>

Jawapan

- F1 Dilancarkan oleh Sir Henry Gurney
- F2 Pengarah operasi ialah Leftenan General Sir Harold Rowdon Briggs
- F3 Memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen
- F4 Membekalkan makanan/ senjata/ maklumat / ubatan.
- F5 Langkah berkesan melemahkan pergerakan Komunis
- F6 Penduduk setinggan berpindah ke petempatan baharu
- F7 Digelar "Kampung Baru"
- F8 Dilengkapi kemudahan tempat tinggal/bekalan elektrik/air paip/ sekolah/ kemudahan kesihatan
- F9 Kemudahan pusat komuniti/ rumah ibadat
- F10 Jawatankuasa kampung ditubuhkan
- F11 Dipagari kawat berduri
- F12 Dikawal oleh Special Constables
- F13 423 ribu penduduk dipindahkan ke 410 buah Kampung Baru

Soalan

1. Tindakan komunis melancarkan perjuangan bersenjata membawa kepada perisyiharan Undang-Undang Darurat ke seluruh Tanah Melayu. Jelaskan peristiwa yang membawa kepada pelaksanaan undang undang tersebut. [4m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Komunis melancarkan perjuangan bersenjata
- H1 Bertujuan menukuhan Republik Komunis di Tanah Melayu
- F2 Komunis mula melakukan tindakan melumpuhkan ekonomi dan infrastruktur
- F3 Mengancam keselamatan rakyat
- F4 Pada 16 Jun 1948, tiga orang pengurus ladang Eropah telah dibunuh di Sungai Siput, Perak
- F5 Komunis membunuh Arthur Walker, pengurus ladang Ephil, John Allison, Pengurus ladang Phin Soon dan pembantu Ian Cristian

- F6 Undang-undang darurat dilaksanakan
 H6 di Ipoh dan Sungai Siput, Perak dan Muar, Kluang, Kulai, Plentong, Johor.
 F7 Pada 17 Jun 1948 undang-undang darurat seluruh negeri Perak dan Selangor
 F8 Pada 18 Jun 1948 undang-undang darurat dikuatkuasa keseluruhan Tanah Melayu

Soalan

- 1 Huraian kesan zaman darurat terhadap sosioekonomi penduduk tempatan. [8m] (Selangor)

Jawapan

- F1 Meningkatkan kos perbelanjaan
 H1a Kos menangani ancaman komunis sangat besar
 H1b Rancangan petempatan semula melibatkan kos yang tinggi
 H1c Perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih \$ 7 juta untuk pembangunan Kampung Baru
 F2 Membawa penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat
 H2a Kawasan ladang/ lombong diserang oleh komunis
 H2b Pengeluaran makanan/ padi semakin berkurangan
 H2c Harga makanan/ barang harian semakin melambung tinggi
 H2d Peniaga/ pekedai/ pengusaha kebun/ pelombong menjadi sasaran peras ugut oleh komunis
 H2e Mengancam nyawa orang ramai
 H2f Penduduk sukar bergerak/ peroleh bekalan keperluan
 H2g Penduduk tidak dapat menjalankan kegiatan harian
 H2h Perintah berkurung dilaksanakan
 H2i Pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja
 H2j Catuan makanan dikenakan
 H2k Rakyat bergantung kepada makanan seperti ubi kayu/ keledek/ jagung
 F3 Merengangkan hubungan kaum
 H3a Rancangan penempatan semula Kampung Baru didominasi kaum tertentu
 H3b Kaum cina dikumpulkan di kawasan yang sama
 H3c Petempatan baru dilengkapi dengan prasarana
 H3d Berkembang menjadi bandar baru
 H3e Kaum Melayu tinggal di kawasan baru yang serba kekurangan
 H3f Kampung baru dikawal ketat
 H3g Penduduk Kampung baru tidak ada peluang bersosial dengan kaum lain

KBAT

Soalan

- 1 Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda dapat menggalakkan masyarakat untuk menghargai sumbangan pasukan keselamatan kepada keamanan dan keharmonian negara.[8m] (Ipoh, Perak)

Jawapan

- F1 Menghargai dalam kehidupan seharian melalui media massa, media cetak, media elektronik dan media sosial
 F2 melalui rancangan Hari Ini dalam Sejarah/ Pahlawanku/Permintaan Perajurit.
 F3 Menerapkan dalam kurikulum pendidikan dalam semua peringkat/subjek Bahasa Malaysia/ Sejarah/Agama/Moral/Sivik.
 F4 Memakamkan perajurit yang gugur di tempat yang terhormat/Makam Pahlawan.
 F5 Mengabadikan nama perajurit pada jalan, bangunan, gedung, universiti, kolej, sekolah dan sebagainya.
 F6 Mengadakan sambutan Hari Kebangsaan/Hari Pahlawan/Perisytiharan

- Hari Polis/ Hari Angkatan Tentera.
- F7 Mencontohi/meneladani sikap pahlawan – berani, sedia berkorban. berjiwa besar.
- F8 Mengabadikannya dalam bentuk penulisan artikel /biografi /monumen
- F9 Meneruskan kempen Tabung Rayuan Hari Pahlawan
